VOL 2.2021 EDISI KE 27 JULAI - DISEMBER
JULY - DECEMBER 27TH EDITION
PP17100/09/2012(031198)

tinta

SURAT BERITA **YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN**
Sultan Mizan Royal Foundation Newsletter



Salah seorang pesakit sedang menjalani proses Terapi Carakerja menggunakan peralatan rehabilitasi yang berteknologi tinggi (lihat ms. 36)
One of the patients undergoing the therapy process using high-tech rehabilitation equipment (see pg. 36)

Keberangkatan KDYMM Sultan Terengganu Ke Pusat Rehabilitasi PERKESO
His Royal Highness Sultan of Terengganu Visited the SOCSO Rehabilitation Centre

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM
YDSM Board of Trustees

Taman Negeri Setiu Wetlands Sentiasa Dekat Dengan YDSM
Setiu Wetlands State Park Always Closed to YDSM

Galeri Inspirasi Usahawan YDSM
YDSM Entrepreneurship Inspirational Gallery

ISSN 2229-9785
9 772229 978002

LIDAH PENGARANG

DATO' HAJI MOHD FADZLI BIN YUSOF
Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan & Penerbitan
Merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM

Alhamdulillah, sebagaimana yang dijadualkan TINTA bertemu lagi dengan para pembaca yang budiman. Kali ini TINTA akan menyajikan liputan dan laporan pelbagai program kemasyarakatan, sama ada yang telah dilaksanakan, sedang dilaksanakan atau yang baharu yang dianjurkan oleh Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM).

Sebagaimana umum menyedari, negara kita masih lagi dibelenggu wabak atau pandemik Covid-19. Sehingga kini penularan wabak ini masih belum reda dengan wujudnya berbagai varian baru virus covid yang lebih berbahaya seperti delta dan omicron sehingga pihak Kerajaan menangguhkan dahulu cadangan pengumuman peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara kepada Endemik. Oleh yang demikian kita wajar terus berwaspada dan mematuhi setiap peraturan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digariskan oleh pihak berkuasa.

Negara kita masih dalam fasa ke-4 Pelan Pemulihan Negara. Di bawah fasa ini banyak kelonggaran aktiviti telah diberikan. Yang demikian, beberapa program kemasyarakatan YDSM telah dapat dilaksanakan mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Sempena pengeluaran TINTA kali ini akan dimuatkan Program Mengimarahkan Bulan Ramadan 1442 Hijrah yang lalu. Dalam mengimarahkan bulan Ramadan, seperti biasa YDSM telah menganjurkan Program Agihan Bubur Lambuk, Pengurniaan Bantuan Kepada Fakir Miskin dan Pelajar Sekolah Sempena Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Berbuka Puasa. Program pengurniaan bantuan kepada fakir miskin dan pelajar sekolah terutamanya sangat membantu mereka untuk bersama-sama menikmati perayaan sebagaimana orang lain yang berkemampuan.

Selain itu, dengan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, YDSM telah menganjurkan program tahunan - Ibadah Qurban. Program Qurban tahun ini telah berlangsung pada 21 Julai 2021 bersamaan 11 Zulhijjah 1442 Hijrah, bertempat di Masjid Abidin, Masjid Negeri Terengganu. Sekalipun tidak melibatkan masyarakat setempat dan orang ramai, Alhamdulillah Majlis tersebut telah dilaksanakan dengan sempurna dan jaya. YDSM ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Masjid Abidin dan Sukarelawan yang hadir membantu menjayakan program tersebut.

TINTA keluaran ini juga akan melaporkan beberapa program yang dilaksanakan akibat dan kesan pandemik Covid-19 yang menimpa dan menjejaskan kehidupan sebahagian masyarakat. Antaranya adalah Program Bantuan kepada Golongan Asnaf di Terengganu, Program Sumbangan Kit Ujian Kendiri Covid-19 kepada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan tidak lupa juga kepada komuniti orang asli iaitu Program Vaksinasi untuk Komuniti Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu.

Selain itu, dibawah kolum Galeri Inspirasi Usahawan YDSM, TINTA akan membawa laporan kejayaan usahawan-usahanita yang dibimbing oleh YDSM dalam pelbagai bidang . Untuk edisi kali ini, TINTA akan mengetengahkan tiga (3) orang usahanita YDSM yang berjaya dalam bidang masing-masing: Program Usahatani Cendawan, Program Pembangunan Produk Madu Kelulut dan Program Pembuatan Pastri.

Memulihara dan memelihara alam sekitar merupakan salah satu matlamat YDSM. Selain memastikan kelestarian alam sekitar, matlamat ini amat penting untuk diwarisi kepada generasi mendatang. Salah satu kawasan yang menjadi tumpuan YDSM untuk dibangunkan serta dilindungi dengan sebaik mungkin tanpa meminggirkan komuniti sekitarnya adalah Tanah Bencah Setiu. Oleh itu, TINTA kali ini akan memuatkan Program Pembangunan Taman Negeri Setiu Wetlands yang mana program ini dilaksanakan oleh pihak Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTN). TINTA akan menceritakan sedikit sebanyak program pembangunan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MPTN.

Oleh itu, TINTA berharap para pembaca akan mendapat manfaat dengan mengikuti laporan-laporan mengenai pelbagai program YDSM ini. Diharapkan juga agar ada pembaca yang bersedia untuk memberikan sumbangan dalam bentuk wang dan sebagainya agar YDSM dapat melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan dengan jayanya.

tinta
SURAT BERITA YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN
Sultan Mizan Royal Foundation Newsletter

PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH / CHAIRMAN OF THE BOARD OF TRUSTEES
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH/BOARD OF TRUSTEES
YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof
Ahli Lembaga/Board Member
YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan
Ahli Lembaga/Board Member
Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri
Ahli Lembaga/Board Member
Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
Ahli Lembaga/Board Member
YBhg. Dato' Dr. Abdul Rahim bin Nik
Ahli Lembaga/Board Member

SETIAUSAHA SYARIKAT/COMPANY SECRETARY
Puan Suhaida binti Mohd Esa

JAWATANKUASA PENERBITAN/PUBLICATION COMMITTEE
YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof
Pengerusi/Chairman
YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan
Ahli/Member
Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri
Ahli/Member
Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
Ahli/Member
YBhg. Dato' Dr. Abdul Rahim bin Nik
Ahli/Member
Encik Mohd Azrul bin Ismail
Ahli/Member
YBrs. Dr. Muhammad Shahrul Ifwat bin Ishak
Ahli/Member

PENERBIT/PUBLISHER
YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN
Pekarangan Istana Badariah
Jalan Sultan Mahmud
20400 Kuala Terengganu
Terengganu, Malaysia
Tel : +609-6251131 / 6261131
Fax : +609-6231131
Email : yayasandirajasultanmizan@gmail.com/
media.ydsm@gmail.com

PERUNDING REKABENTUK DAN CETAKAN/LAYOUT AND PRINTING CONSULTANT
P AND G GLOBAL ENTERPRISE
TEL : +6013 9300 186
EMEL : pgglobal86@gmail.com

PENCETAK/PRINTER
FIRDAUS PRESS SDN BHD

EDITORIAL

Alhamdulillah, as scheduled, TINTA once again welcomes all its readers. In this edition, TINTA presents reports and news on a range of community programmes, that had been implemented or currently being carried out as well as new ones, organized by the Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM).

As all may be aware, Malaysia is still plagued by the Covid-19 pandemic. The pandemic still poses a threat as it has not totally disappeared, with the emergence of new variant, such as Delta and Omicron, said to be more dangerous. As result, the authorities has taken the decision to postpone the proposed announcement of the transition phase of the National Recovery Plan to Endemic. Indeed we should remain vigilant and ensure all requirements prounounced in the Standard Operating Procedure (SOP) set by the authorities be prudently complied.

Our nation is still under the fourth phase of the National Recovery Plan. With the flexibility provided more social activities and coummuity programmes have been allowed to be organised under this phase. Subject to strict adherence of the SOP, YDSM had therefore launched and embarked upon a number of such activities and events.

In conjunction with this edition, TINTA will report on events organised during the Ramadhan, 1442 Hijrah. In enlivening the month of Ramadhan, as usual, YDSM organized the Terengganu porridge or *Bubur Lambuk* distribution at selected mosques, distribution of aids to the poor and needy as well as school children in conjunction with *Hari Raya Aidilfitri* celebration, and the breaking of fast or Iftar gathering. Indeed the receipients welcomed and expressed sincere gratitude for the assistance provided under the programme as it had enabled them to joyously celeberate Hari Raya.

In addition, in strictly complying the requirements of Standard Operating Procedure (SOP), YDSM also organised the sacrificial event or *Ibadah Qurban* that has been in the annual calendar of events of YDSM. For this year, the *Qurban* took place on the 21st of July 2021 equivalent to *11 Zulhijjah 1442 Hijrah.* The chosen venue was Terengganu State Mosque, *Masjid Abidin.* Despite without the helping hand and involvement of the public or local community as stated by the SOP, the programme went well and was successfully organised. YDSM would like to record its appreciation to the *Abidin Mosque* and all volunteers who had contributed for the success of this programme.

In this edition too, TINTA carries news and reports of various humanitarian initiatives undertaken by YDSM due to the impact of Covid-19 pandemic. Among them are aids to the destitutes under the *Asnaf* category for Terengganu, the Covid-19 Self-Test Kit Contribution to the Terengganu State Health Department and not to forget a special programme for the *Orang Asli* community, namely the Covid Vaccination event for the *Sungai Berua Orang Asli* community, Hulu Terengganu.

For the YDSM Entrepreneurship Inspirational Gallery, the column covers stories on the success of women entrepreneurs guided by YDSM in various sectors. For this edition, TINTA features three (3) of these entrepreneurs: Mushroom Agro Farimng, Stingless Bee Honey Production , and Pastry Making.

Conserving and preserving the environment is one of the goals of YDSM. Apart from ensuring the sustainability of the environment, it is important as an inheritance for generations to come. One of the areas under close focus of YDSM to be appropriately conserved, protected and sustained, without marginalizing the surrounding community in its development efforts is the Setiu Wetlands. Therefore, in this edition, TINTA will upload the Setiu Wetlands State Park Development Programme carried out by the Terengganu State Park Management Council (MPTN). It shares a story of development activities by the MPTN.

All in all, TINTA sincerely hopes these stories, reports and news will enligthen the interest of readers on the various initiatives and events undertaken by YDSM with the objective of uplifting and enhancing the socio-economic statuts of the rakyat of Terennganu in particular. We therefore welcome financial support in the form of donation and contribution to YDSM.

DATO' HAJI MOHD FADZLI BIN YUSOF
Chairman, Research and Publication Committee/Member Board of Trustees

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YDSM

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah selaku Pengerusi Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) telah berkenan melantik tiga (3) ahli baru Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YDSM berkuatkuasa mulai 11 November 2021. Tiga orang ahli tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah:



LATARDIRI
TUAN HAJI AZIZULRAHIM
BIN AHMAD ZAMBRI

Haji Azizulrahim membesar dan mendapat pendidikan sepenuhnya di Terengganu Darul Iman di Sekolah Rendah Inggeris Pasir Panjang *(kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Tengku Bariah)* dan seterusnya melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Sri Muar, Muar, Johor.

Seterusnya, beliau melanjutkan pendidikan di peringkat Diploma di Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan kemudian beliau mengambil kursus professional dalam bidang perbankan iaitu *Certified Credit Profesionals* (CCP) Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM). Beliau pernah berkhidmat di beberapa buah bank mulai tahun 1985.

Pada tahun 2005, beliau telah menerima anugerah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

Seterusnya pada tahun 2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah menganugerahkan beliau Bintang Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.M.Z.).

Beliau kini aktif menjalankan urusan perniagaan dalam bidang pembinaan atas kapasiti rakan sekutu dan beliau juga merupakan Pengerusi sebuah syarikat yang memfokuskan kerja-kerja pembekalan dan industri hiliran di Kuala Terengganu. Beliau telah terlibat secara langsung dengan YDSM sejak penubuhannya lagi. Pada masa yang sama, beliau aktif dalam pelbagai program kemasyarakatan YDSM. Beliau juga aktif bersama pengurusan Masjid Abidin (Masjid Negeri).

Selain itu, beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam membantu YDSM mendapat dan menambah dana.



LATARDIRI
TUAN HAJI MOHD FAUZI
BIN MUSTAFFA

Tuan Haji Mohd Fauzi dilahirkan pada tahun 1969 di Jertih, Besut Terengganu. Kini beliau menetap di Bandar Baru Bangi, Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di SK Bukit Puteri, Jertih, Terengganu. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian di Maahad Muhammadi Kota Bharu Kelantan. Kemudian meneruskan persekolahan di SMA Ittifaqiah, Jertih Terengganu sebelum menyambung pengajian di peringkat Diploma di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

Seterusnya beliau melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Pada tahun 1994 beliau bertugas sebagai Pensyarah Pengajian Islam di Mara Community College di Kuantan, Pahang. Pada tahun 1995 beliau telah bertukar profesyen sebagai Pegawai Penyelidik Syariah di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur. Pada tahun 1999 beliau telah ditawarkan sebagai Pengurus,

Jabatan Syariah di Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB). Setelah berkhidmat di STMB selama lapan (8) tahun, akhirnya pada tahun 2007 beliau telah mengambil keputusan menamatkan kerjayanya di STMB untuk bekerja sendiri. Beliau telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah EONCAP Islamic Bank dan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Koperasi Tenaga Nasional Bhd., menjadi pendakwah bebas sepenuh masa disamping menumpukan tugasan sebagai pengacara TV, mutawwif umrah dan duta produk makanan kesihatan.

Kini beliau dilantik sebagai Pengerusi sebuah syarikat pengurusan haji dan umrah bertauliah. Disamping itu beliau juga adalah penasihat kepada Gabungan Perawat Muslim Malaysia (GPMM). Selain daripada itu beliau telah terlibat secara langsung dengan YDSM pada tahun 2009.



LATARDIRI
DATO DR. ABDUL RAHIM BIN NIK

Dato' Dr. Abdul Rahim dilahirkan pada 1955 di Kg Beladau Kolam, Manir, Kuala Terengganu. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Beladau Kolam dan seterusnya di Sekolah Menengah Tengku Bariah, Kuala Terengganu. Beliau menyambung pengajian di Louisiana State University dan West Virginia University, Amerika Syarikat untuk Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana masing-masing di atas pembiayaan biasiswa JPA. Pada tahun 1990, beliau telah mendapat ijazah PhD dari University of Wales, UK di dalam bidang *Hidrologi Hutan Tropikal.*

Beliau memulakan kerjaya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai penyelidik pada 1981. Semasa di FRIM, beliau telah diamanahkan dengan berbagai tanggungjawab termasuk sebagai ketua projek penyelidikan, pengarah bahagian sehingga menjawat Timbalan Ketua Pengarah Operasi FRIM pada 2007. Kerjaya beliau bertukar wajah dari seorang penyelidik kepada pembuat dasar apabila dilantik menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya pada 2011. Selepas bersara wajib pada 2015, beliau telah dilantik untuk meneraju Malaysian Timber Council sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 2017. Beliau juga dilantik sebagai Profesor Adjung di UNITEN pada 2012-2013 dan pensyarah sambilan di Fakulti Perhutanan, UPM antara tahun 1991-2000.

Kini, beliau adalah sebagai Felo di Akademi Sains Malaysia semenjak 2014. Disamping itu, beliau turut menganggotai beberapa majlis diperingkat persekutuan dan negeri termasuk Meja Bulat Biodiversiti Kebangsaan, Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu serta sebagai penasihat dan ahli lembaga badan bukan kerajaan termasuk World Wildlife Fund Malaysia dan Pulau Banding Foundation.

Semasa bertugas dibawah perkhidmatan awam Malaysia, beliau telah dianugerahkan pingat kebesaran "Darjah Paduka Mahkota Terengganu" (D.P.M.T.) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada 2013 dan "Panglima Mahkota Wilayah" (PMW) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong pada 2012.

YDSM BOARD OF TRUSTEES

His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Chairman Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) has graciuosly consented to the appointment of three new members of the YDSM Board of Trustees (BOT) with effect from 11 November 2021. They are the following:

PROFILE OF TUAN HAJI AZIZULRAHIM BIN AHMAD ZAMBRI

Haji Azizulrahim was brought up and received his early education in Terengganu at Pasir Panjang English Primary School (now known as Tengku Bariah National School). Subsequently, he continued his studies at Sri Muar Secondary School, Muar, Johor.

At the tertiary level he continued his education for the Diploma of the Institute of Banks Malaysia (IBBM). Later, he branched into the professional course in banking, namely Certified Credit Professionals (CCP) of the IBBM. He had served wih a number banks since 1985.

In 2005, he received the Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) awarded by His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

In 2015, His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah again awarded him Bintang Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.M.Z).

At present he is actively involved in the construction business as an associate partner. He is also the Chairman of a company running variuos supplies, in Kuala Terengganu. He has been directly involved with YDSM since its establishment. At the same time, he is also active in various empowerment programmes of YDSM. He is also actively involved with the management of Masjid Abidin (State Mosque).

Besides, he is fully committed in YDSM's drive for fundraising.

PROFILE OF TUAN HAJI MOHD FAUZI

Tuan Haji Mohd Fauzi was born in 1969 in Jertih, Besut, Terengganu. Presently, he lives in Bandar Baru Bangi, Selangor. He received his early education at SK Bukit Puteri, Jertih, Terengganu. He then continued at the Maahad Muhammadi Kota Bharu Kelantan. From there, he continued his study at SMA Ittifaqiah, Jertih Terengganu before pursuing his diploma at the Sultan Zainal Abidin Religious College (KUSZA).

He then pursued his bachelor's degree at Al-Azhar University, Egypt under the Faculty of Islamic Studies and Arabic Language.

In 1994, he was appointed lecturer in Islamic Studies at Mara Community College in Kuantan, Pahang. In 1995 he swithced profession to be a Shariah Research Officer at the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur. In 1999 he was offered the position of Manager, Shariah Department, Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB). After serving at STMB for eight (8) years, he took the decision to leave in 2007, to be a self-employed. He was appointed as a member of the Shariah Advisory Council, EONCAP Islamic Bank as well as a member of the Shariah Advisory Committee, Koperasi Tenaga Nasional Bhd. With his educational background and working experience, he is involved as a full-time religious preacher as well as a TV host, *mutawwif* umrah (guide) and ambassador for health food products.

Currently, he serves as the Chairman of an accredited Hajj and Umrah management company. He is also the Advisor to the Confederation of Healers Malaysian Muslim Medicine (GPMM). He has been directly involved with YDSM in 2009.

PROFILE OF DATO DR ABDUL RAHIM BIN NIK

Dato Dr Abdul Rahim was born in Kg Beladau Kolam, Manir, Kuala Terengganu in 1955. He received his early education at SK Beladau Kolam and later at SM Tengku Bariah, Kuala Terengganu. He continued his studies at Louisiana State University and West Virginia University, USA for a Bachelor's Degree and a Master's Degree respectively on PSD scholarship. In 1990, he obtained a Ph D degree from the University of Wales, UK in the Tropical Forest Hydrology.

He started his career at the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM) as a researcher in 1981. While at FRIM, he was entrusted with various responsibilities including research project leader, divisional director until he became FRIM's Deputy Director General of Operations in 2007. His career took a turn from a research scientist to a policy maker when he was appointed Deputy Secretary General at the Ministry of Natural Resources and Environment, Putrajaya in 2011. After retiring from the Government Service in 2015, he was appointed as Chief Executive Officer of

the Malaysian Timber Council until 2017, an agency under the Ministry of Plantation Industries and Commodity. He was also appointed as Adjunct Professor at UNITEN in 2012-2013, and served as a part-time lecturer at the Faculty of Forestry, UPM between 1991-2000.

Currently, he is a Fellow at Academy Sciences of Malaysia since 2014. In addition, he is also a member of several councils at the federal and state levels including the National Biodiversity Roundtable, Terengganu State Park Management Council as well as an advisor and board member of non-governmental organizations including World Wildlife Fund Malaysia and Pulau Banding Foundation.

While serving under the Malaysian civil service, he was conferred the "Darjah Paduka Mahkota Terengganu" (DPMT) by His Royal Highness Sultan Terengganu in 2013 and "Panglima Mahkota Wilayah" (PMW) by His Majesty Yang Di-Pertuan Agong in 2012.

YDSM LAHIRKAN USAHAWAN PASTRI

YDSM terus tekad dalam menggerakkan usaha memperkasakan sosioekonomi masyarakat khasnya di Negeri Terengganu melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan kemasyarakatan. Antara program sedemikian ialah Program Seni Kraf Warisan, Program Usahawan Produk Madu Kelulut dan Kursus Pembuatan Pastri. Bagi Kursus Pembuatan Pastri, program ini telah bermula pada tahun 2017. Sehingga kini seramai dua puluh dua (22) belia dan beliawanis Terengganu telah dilatih oleh YDSM.

Pada tahun 2020, YDSM dengan kerjasama Ziq Bakery & Cake Sdn. Bhd. telah membuat pengambilan untuk sepuluh (10) orang pelatih. Kursus bermula pada bulan Mac sehingga bulan Oktober. Sebelum itu suatu proses temuduga khusus telah diadakan bagi memilih calon-calon pelatih yang sesuai bagi mengikuti Kursus ini. Calon-calon hendaklah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekurang-kurangnya, tetapi yang diberi keutamaan adalah minat serta sikap masing-masing.

Sebelum kemasukan ke Akademi Ziq, YDSM dan Ziq Bakery & Cake Sdn. Bhd. turut mengadakan perjumpaan suaikenal khas bersama para pelatih yang berjaya dalam temuduga tersebut dan ditawarkan menyertai Kursus berkenaan. Taklimat khas dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kursus kepada Pelatih telah berlangsung pada 26 Julai 2020, bertempat di Yayasan DiRaja Sultan Mizan turut menyaksikan kehadiran ibu bapa pelatih-pelatih berkenaan. Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM selaku Pengerusi Jawatankuasa Program telah menyampaikan surat tawaran Kursus kepada pelatih.

Dalam ucapan taklimat tersebut, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof turut berpesan agar pelatih yang bakal mengikuti Kursus selama lapan (8) bulan ini sentiasa menjaga disiplin diri disamping mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penyedia latihan.

"YDSM menaruh setinggi-tinggi harapan kepada semua pelatih agar menciduk sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman sepanjang berada di Akademi, dan seterusnya mampu menempatkan diri dalam bidang keusahawanan di lapangan setelah tamat pengajian kelak. Juga sentiasa peka dengan kehendak pasaran dan sentiasa berdaya saing bagi memajukan diri masing-masing. Jangan mudah berputus asa serta sentiasa berkeinginan untuk menjadi seorang yang berjaya dan mampu mengubah status sosioekonomi keluarga ke aras yang lebih baik".

YDSM telah memperuntukkan sebanyak RM70 ribu bagi penajaan Kursus lapan (8) bulan ini. Selain daripada itu, pelatih-pelatih juga didedahkan dengan selok-belok pengurusan dan kewangan dibawah latihan Asas Keusahawanan yang umumnya disertai oleh semua pelatih pelbagai program dan projek YDSM. Latihan ini dikendalikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Fakhrul Anwar bin Zainol, Pengarah Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan, Pelaburan & Jaringan Industri (P4P) UniSZA yang juga merupakan pakar dalam bidang Keusahawanan.



Taklimat Khas dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kursus kepada Pelatih Kursus Dalam Bidang Pembuatan Pastri Yayasan DiRaja Sultan Mizan pada 26 Julai 2020 bertempat di Pejabat Yayasan DiRaja Sultan Mizan

A Special Briefing and Offer Letter Delivery Ceremony to Trainees Course in Pastry Making of Yayasan DiRaja Sultan Mizan on 26 July 2020 at YDSM office



Antara Pelatih yang menerima Surat Tawaran Kursus yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM. Turut hadir adalah Encik Badrol Hisham bin Haji Zaki, Pengarah Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd

Among the trainees receiving the Offer Letter presented by YBhg. Dato 'Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Member of the Board of Trustees of YDSM. Also present was Encik Badrol Hisham bin Haji Zaki, Director of Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd

PASTRY ENTREPRENEURS OF YDSM

YDSM continued to mobilise its efforts in empowering the socioeconomic of the community, especially in Terengganu through the implementation of various community development programmes. Among thsese programmes are the Heritage Handicraft, the Stingless *(Kelulut)* Honey Product Entrepreneurship and the Pastry Making Course. As for the Pastry Making, the programme was first launched in 2017 and to date, a total of twenty-two (22) youths of Terenggau had undergone the Course.

In 2020, YDSM in collaboration with Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd selected a group of ten (10) trainees. The Course lasted from March to October. Prior to that, a special interview was conducted to select suitable candidates. All candidates must pass the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) at least, but the priority would be given on their aptitudes and interests.

Prior to the admission to Ziq Academy, YDSM and Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd has organized a special orientation gathering with selected trainess. A special briefing and handing over ceremony of the Letter of Offder to the trainees was held on 26 July 2020 at YDSM. Parents of the trainees were also present at the ceremony. Yang Berbahagia Dato 'Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Member of the Board of Trustees of YDSM as the Chairman of the Programme Committee presented the Letter of Offer to the trainees.

In his remarks, Yang Berbahagia Dato 'Haji Mohd Fadzli bin Yusof advised all trainees for the eight (8)-month Course to always uphold and maintain self-discipline while at all times complying with the rules set by the trainers.

"YDSM puts the highest hope for all trainees to gain as much knowledge and experience as possible whilst at the Academy, and would be able to position themselves in the field of entrepreneurship after graduation. Also, they should always be aware and appreciate the need of the market and always be competitive to improve themselves. Don't give up easily and always strive to be successful in order to enhance the socio-economic status of your family".

A sum of RM70,000 had been spent by YDSM for the sponsorship of this eight (8)-month Course. Besides, all trainees are exposed to the skills of management and finance under the Basic Entrepreneurship training, generally attended by all the trainees of YDSM under various programmes. This particular training is conducted by YBhg. Prof. Madya Dr. Fakhrul Anwar bin Zainol, Director of UniSZA's Income Generation, Investment & Industry Network (P4P), who is also an expert in the field of Entrepreneurship.



Antara aktiviti/latihan praktikal yang dijalankan di Akademi Ziq, Kuala Terengganu
Among activities/practical training conducted at Akademi Ziq, Kuala Terengganu



Antara produk yang dihasilkan oleh pelatih/pelajar
Part of pastries produced by trainees

YDSM ANJUR PROGRAM MENGIMARAHKAN BULAN RAMADHAN

Bulan Ramadhan yang penuh barokah sememangnya amat dinanti-nantikan oleh setiap insan beragama Islam. Lazimnya segala daya dan usaha dilakukan untuk memperbanyakkan amal kebaikan dalam mengejar keredhaan Allah SWT serta menambah ganjaran pahala. Sepanjang bulan mulia ini, YDSM turut menganjurkan beberapa program dan aktiviti khusus bagi menyantuni anggota masyarakat yang kurang bernasib baik. Semoga mereka juga dapat melaksanakan pelbagai tuntutan ibadah dalam suasana yang menyenangkan.

TRADISI AGIHAN BUBUR LAMBUK PERCUMA

Bubur Lambuk YDSM yang menjadi ikon adalah antara juadah berbuka puasa yang menjadi tumpuan dan penantian ramai terutamanya penduduk setempat bagi masjid-masjid pilihan yang dijadikan lokasi agihan juadah tersebut. Alhamdulillah, pada tahun ini YDSM berpeluang membuat agihannya setelah terpaksa ditangguhkan pada tahun 2020 ekoran pandemik covid-19. Namun begitu, agihan yang dibuat pada tahun ini dilaksanakan dalam suasana norma baharu kerana pematuhan kepada *prosedur operasi standard (SOP)* sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan.

Program amal ini telah memasuki tahun keduabelas penganjurannya, dan seperti tahun-tahun sebelumnya telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat. Atas hakikat ini, bilangan masjid yang menjadi lokasi agihan turut ditambah bagi memberi peluang kepada orang ramai memperolehi dan berpeluang menikmati bersama bubur lambuk YDSM.

Antara masjid yang terlibat adalah Masjid Abidin (Masjid Negeri), Masjid Al-Muktafi Billah Shah (Masjid Ladang), Masjid Hiliran dan Masjid Khalifah Taman Jaya bagi daerah Kuala Terengganu, Masjid Wakaf Tembesu di Daerah Kuala Nerus, Masjid Tengku Ampuan Intan Zaharah, Dungun dan Masjid Bukit Payong dan masjid Padang Mengkuang bagi Daerah Marang. Disamping itu, dua (2) buah masjid sekitar Marang, Kuala Terengganu dan Kuala Nerus dipilih khas bagi agihan pada hari minggu (jumaat dan sabtu). Lebih 45 ribu bekas bubur lambuk diagihkan sepanjang Ramadan pada tahun ini.

Sebagaimana kebiasaan, pengurusan bubur lambuk YDSM ini dikendalikan oleh Tuan Haji Tajuddin bin Adam, iaitu salah seorang penerima bantuan YDSM sebelum ini. Kepakaran yang beliau miliki dalam masakan bubur lambuk tidak dapat disangkal apabila pernah memenangi anugerah Program Pencarian Bubur Lambuk Terbaik Nasi Lemak Kopi O TV9 pada tahun 2013.



Agihan bubur lambuk di pekarangan Masjid Abidin (Masjid Negeri) oleh Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri (ALPA YDSM)
Bubur Lambuk being delivered by Tuan Haji Azizulrahim

BANTUAN KEWANGAN UNTUK FAKIR MISKIN DAN PELAJAR SEKOLAH

Majlis Pengurniaan Bantuan kepada Fakir Miskin dan Pelajar Sekolah sempena Hari Raya Aidilfitri merupakan salah satu program tahunan YDSM dalam meraikan golongan kurang bernasib baik khususnya golongan miskin dalam menyambut bulan Ramadhan dan Syawal. Sebagaimana kebiasaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, selaku Pengerusi YDSM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu akan mencemar duli bagi mengurniakan bantuan kepada para fakir miskin dan para pelajar sekolah yang diadakan dalam majlis khas di Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu.

Namun begitu, ekoran pandemik Covid-19 yang masih menular, majlis rasmi tersebut tidak dapat diadakan pada tahun ini. Walaubagaimanapun, YDSM mengambil inisiatif khusus menghulurkan bantuan kewangan kepada 200 orang penerima yang layak yang mana senarai penerimanya ini terlebih dahulu dikenalpasti oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Terengganu yang merangkumi penerima seluruh Terengganu. Setiap penerima menerima bantuan kewangan berjumlah RM500 yang disalurkan terus ke akaun bank masing-masing.

Tidak ketinggalan, bantuan yang sama juga disalurkan kepada pelajar sekolah yang layak. Seramai 70 orang murid sekolah rendah dan 70 orang pelajar sekolah menengah serta 60 orang pelajar Ma'had/Madrasah menerima manfaatnya. Masing-masing menerima RM200 seorang. Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan Pejabat Pesuruhjaya Agama terlebih dahulu membuat semakan dan tapisan khas untuk memastikan murid/pelajar adalah mereka yang layak.

YDSM berharap bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban golongan ini dan seterusnya meraikan Aildilfitri dengan penuh kesyukuran. Bantuan yang diberikan ini secara langsung mendokong matlamat YDSM dalam membantu ke arah mempertingkatkan sosioekonomi rakyat melalui pelbagai program dan aktiviti amalnya.







Penyerahan sumbangan kewangan untuk pelajar miskin Terengganu oleh Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri kepada wakil Guru Besar dan Pengetua sekolah serta kepada Mudir/ Mudirah dan Madrasah terlibat di Pejabat YDSM

Delivery of financial aids for poor students of Terengganu by Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri to representatives of Headmaster and Principal of schools as well as to Mudir/ Mudirah and Madrasah selected at the YDSM Office

AGIHAN JUADAH IFTAR UNTUK GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN

Juga sebagaimana tahun-tahun yang berlalu, YDSM terus meraikan golongan yang kurang berkemampuan menerusi penyediaan juadah iftar atau berbuka puasa. Walaupun 'Majlis Iftar Jama'ie' atau berbuka puasa beramai-ramai tidak boleh diadakan di masjid atau surau kerana masih dalam suasana wabak Covid-19, YDSM mengambil inisiatif khas dengan menganjurkan agihan juadah iftar kepada golongan ini. Agihan yang dibuat pada 28 April 2021 itu juga mendapat kerjasama padu oleh pihak Masjid Al-Muktafi Billah Shah (Masjid Ladang). Pada hari berkenaan, sebanyak 250 bungkus makanan termasuk agihan kurma dan air zam-zam telah diedarkan kepada orang awam.

Agihan disampaikan oleh Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YDSM. Turut serta adalah Ustaz Amir Sabri bin Abd Ghani, Pengurus Eksekutif Masjid Al Muktafi Billah Shah, wargakerja YDSM dan lain-lain kakitangan Masjid.



Sekitar Program Sumbangan Berbuka Puasa kepada golongan kurang berkemampuan oleh Tuan Haji Azizul Rahim bin Ahmad Zambri dan Ustaz Amir Sabri bin Abd Ghani, Pengurus Eksekutif Masjid Al Muktafi Billah Shah (MAMBS), kakitangan YDSM dan kakitangan MAMBS di Pekarangan Masjid

Foods for Breaking of Fast to less fortunate members by Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri and Ustaz Amir Sabri bin Abd Ghani, Executive Manager of Al Muktafi Billah Shah Mosque (MAMBS), YDSM and MAMBS staff members at the MAMBS compound

MAJLIS IFTAR YDSM

Turut diadakan majlis iftar atau berbuka puasa YDSM. Majlis yang diadakan di pejabat YDSM ini melibatkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan warga kerja YDSM bersama keluarga masing-masing sahaja. Majlis yang diadakan pada 29 April 2021 ini dimulai dengan tahlil dan bacaan doa selamat yang diketuai oleh Ustaz Wan Mohd Hazim bin Mohamed @ Wan Mohd Hashim, Ketua Eksekutif Masjid Abidin (Masjid Negeri) dan disudahi dengan solat sunat tarawih. Majlis yang julung kali diadakan secara tertutup ini merupakan salah satu inisiatif YDSM bagi menghargai dan mengeratkan lagi hubungan sesama warga kerjanya.

SANTUNI PENERIMA BANTUAN YDSM

Sejak awal penubuhannya, banyak keluarga khususnya dari golongan yang kurang berkemampuan telah mendapat pelbagai bentuk bantuan YDSM. Ada antara mereka menerima bantuan zakat YDSM, terlibat dengan YDSM dalam program seperti usahatani cendawan, usahawan produk madu kelulut, seni kraf warisan dan sebagainya. Atas kecaknaan yang tinggi serta memastikan keadaan semasa masing-masing, YDSM mengaturkan jalinan rangkaian khas dengan penerima-penerima ini. Antaranya melalui program kecemerlangan insan YDSM yang mana YDSM dapat mengetahui status dan perkembangan semasa mereka.

Dalam pada itu, YDSM juga menyantuni keluarga penerima bantuan YDSM ini yang juga dikenali sebagai "Sahabat YDSM". Kedatangan bulan Ramadhan memberi peluang kepada YDSM untuk menyantuni mereka dengan lebih dekat. YDSM telah mengagihkan kurma, air zam-zam dan kuih raya kepada mereka. Kecerian dan rasa terharu dapat dilihat diwajah mereka tatkala menyaksikan YDSM sentiasa mengambil cakna akan keadaan mereka. Semoga Aidilfitri ini memberikan seribu makna kegembiraan kepada mereka semua.

YDSM REKINDLED THE DIVINE SPIRIT OF RAMADHAN

Ramadhan, the blessed month is indeed awaited by every Muslim. Usually, all measures would be taken to improve and accumulate good deeds in the pursuit of the pleasure of Allah SWT, as well as to increase the virtues. For this year, YDSM organized several dedicated events and activities to help the less fortunate members within the community. It is hoped that they would be able to perform the worship in a pleasant and comfortable environment.

DELIVERING BUBUR LAMBUK









Agihan Bubur Lambuk di pekarangan Masjid Padang Mengkuang, Marang
Distributing Bubur Lambuk at Padang Mengkuang Mosque, Marang

YDSM *Bubur Lambuk* or Terengganu porridge which has turned into an iconic initiative, and one of the common menus for breaking of fast among the *rakyat* here, has gained affection among the community, especially for locals at selected mosques as outlets for its distribution. With the grace of Allah, YDSM was given the opportunity to resume its *Bubur Lambuk* distribution after it had to be postponed in 2020 due to the covid-19 pandemic. Nevertheless, the distribution for this year had to be carried out under the new normals in adherence to the Standard Operating Procedures (SOPs) as outlined by the Government.

This year marked its twelfth anniversary. As in previous years, the programme had been well received with enthuastic response from the local community. In view of this, YDSM increased the number of mosques chosen as venues for the distribution purpose, and hence provide the opportunity for more of the members of the public to breakng fast and enjoying the YDSM *Bubur Lambuk.*

Among centres of distribution were the Abidin Mosque (State Mosque), Al-Muktafi Billah Shah Mosque (Ladang Mosque), Hiliran Mosque and Al-Khalifah Mosque,Taman Jaya in the Kuala Terengganu District, while Wakaf Tembesu Mosque in Kuala Nerus District, Tengku Ampuan Intan Zaharah Mosque, Dungun and Bukit Payong Mosque and Padang Mengkuang Mosque for Marang District. In addition, two Mosques within Marang, Kuala Terengganu and Kuala Nerus were selected for special distribution on weekends (Friday and Saturday) only. More than fourty-five (45) thousand packs of *Bubur Lambuk* were distributed in the Ramadhan of this year.

As usual, the chef for the preparation and handling the Bubur Lambuk has been entrusted to Tuan Haji Tajuddin bin Adam, one of YDSM recipients of its financial aids. His expertise in cooking bubur lambuk is undeniable when he won the award for the *Best Nasi Lemak Kopi O TV9 Bubur Lambuk Search Programme in 2013.*

FINANCIAL AIDS FOR THE POORS AND STUDENTS

The handing over ceremony of financial aids to the poor and needy as well school children in conjunction with the celebration of *Hari Raya Aidilfitri* has been one of the events undertaken annually by YDSM. The purpose is enable these unfortunate groups within our community to be spiritually and materially prepared for *Ramadhan* and the coming of *Syawal*. As usual, His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, as the Chairman of YDSM and Her Royal Highness Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu will graciously convey these aids to the selected recipients held at a special ceremony at Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu.

However, in view of Covid-19 pandemic is still in our midst, this ceremony could not be held this year. Alternatively, YDSM took a special initiative by chaneling

the financial assistance to 200 eligible recipients selected with the collaboration and guidance of the Terengganu State Social Welfare Department (JKM). Each recipient received financial assistance of RM500 which was then credited directly to their respective bank accounts.

Also, similar assistance was channeled to eligible school children. A total of 140 students, seventy from primary schools and another seventy from secondary schools, together with a total of sixty Ma'had/Madrasah students received the assistance. Each of them was given RM200. The Terengganu State Education Department (JPNT) and the Islamic Religious Department conducted a special review to ensure only eligible ones were chosen.

YDSM hopes that this assistance would help to ease the burden faced by them, and as such would be able to celebrate *Aildilfitri* with sincere gratefullness. The assistance provided supports YDSM's goal in improving the socio-economy of the people through its various charitable measures and activities.

FOOD FOR BREAKING OF FAST TO THE LESS FORTUNATES

Similar to previous years, YDSM resumed its helping hand to the less fortunates with the breaking of fast ocassion or *iftar* gathering. Although the mass breaking of fast event or *Majlis Iftar Jama'ie'* was not permitted to be carried out or organised in mosques under the Covid-19 pandemic Movement Control Order, as an alternative YDSM undertook a special initiative in reaching them by way of pro-actively and directly delivering and dsitributing this *iftar* cosumption packages. With the full collobaration of the Al-Muktafi Billah Shah Mosque *(Masjid Ladang),* the event took place on the 28th of April 2021. All in all, a total of 250 food packages including packets of dates and zam-zam water were distributed to the public.

To mark the ocassion Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Member of the Board of Trustees (ALPA) of YDSM officially kicked off the event with his presence. Accompanying Tuan Haji Azizulrahim were staff of YDSM and the mosque as well as Ustaz Amir Sabri bin Abd Ghani, Executive Manager of Al Muktafi Billah Shah Mosque.



YDSM IFTAR EVENT

YDSM had also arranged a small and limited breaking of fast or *iftar* gathering privately in accordance with the SOP. A number of members of the Board of Trustees as well members of the staff of YDSM attended. The ocassion was held at the office of YDSM on the 29th of April 2021. While awaiting the time of the breaking of fast *tahlil* and recitation of prayers led by Ustaz Wan Mohd Hazim bin Mohamed @ Wan Mohd Hashim, Chief Executive of Masjid Abidin (State Mosque) was held. The breakng of fast evening was adjourned after the completion of the *tarawih* prayers. This *iftar* initiative would help to strengthen the bond and sense of belonging among personnel of YDSM.

CARING FOR RECIPIENTS OF YDSM

Ever since its existence, YDSM has extended help and assistance to numerous family groups and members, in particular the marginalised and less fortunates. Various shapes and forms of aid and assistence have been distributed. Notable among them are zakat recipients as reflected in programmes and courses such as Agro Farming of Mushrooms, Stingless Honey Bee Entreprenuership, the Art and Heritage Handicrafts of Terengganu and the like. With the full sense and true spirit of caring YDSM has instituted a dedicated networking relationship with them to ensure the current pandemic has not adversely impacted them. For this purpose the Humanity Excellence Programme was embarked wherein YDSM would be able to ascertain and determine the current status and progress of these recipients.

Meanwhile, YDSM also executed a caring initiative for family members of YDSM aid recipients or popularly known as *"Companions of YDSM".* With the approaching of Ramadhan gave the opportunity for YDSM to be more caring and mindful of them. YDSM delivered dates, zam-zam water and *pastries* to them. Happiness and cheerfulness can be seen from their faces and expressions secured with the awareness of their affectionate bondage and deep spirit of caring by YDSM. May the blessed *Aidilfitri* shower a thousand meanings of joy to them.





Program Menyantuni Asnaf Yayasan DiRaja Sultan Mizan di daerah Setiu dan Besut/
"Support the Asnaf" by YDSM at Setiu and Besut

DAGING QURBAN UNTUK GOLONGAN ASNAF MISKIN

Sebagaimana tahun-tahun yang lalu, Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) telah menganjurkan Majlis Ibadah Qurban yang kini memasuki tahun kelapan pelaksanaannya sejak bermula pada tahun 2014. Usaha ini sesungguhnya menepati matlamat YDSM untuk membantu dan mempertingkatkan sosioekonomi rakyat melalui pelbagai program dan aktiviti amal seperti agihan daging qurban kepada golongan asnaf dan miskin seperti yang amat dituntut dalam Islam.

Aktiviti Majlis Ibadah Qurban YDSM ini adalah dibawah tanggungjawab dan kelolaan Jawatankuasa Agihan Zakat YDSM (JAZ). Pada tahun ini JAZ telah mengambil keputusan bahawa program murni ini dilaksanakan di Masjid Abidin (Masjid Negeri), Kuala Terengganu pada hari raya kedua AidilAdha, bersamaan 21hb Julai, 2021.

Sebagaimana tahun sebelumnya, Majlis pada tahun ini turut dilaksanakan dalam suasana norma baharu ekoran wabak Covid-19 yang masih berterusan. Yang demikian semua yang terlibat dikehendaki mengikuti serta mematuhi sepenuhnya semua keperluan di bawah prosedur operasi standard *(SOP)* sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Sehubungan dengan ini, YDSM telah mengadakan mesyuarat bersama Jawatankuasa Masjid bagi membincangkan persiapan agar upacara dapat dijalankan dengan lancar khususnya dari segi pematuhan terhadap SOP dan syarat pelaksanaan program sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), agar semuanya dapat dijalankan dengan tersusun dan lancar.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof, sebagaimana tahun-tahun sebelumnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah, selaku Pengerusi YDSM telah berkenan mengurniakan seekor lembu untuk Majlis berkenaan. Turut sama dalam bentuk penyertaan seekor lembu adalah daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM.

Pada kali ini, kira-kira 300 bungkus daging qurban, setiap bungkus 1 kilogram, telah diagihkan oleh petugas/ sukarelawan masjid Abidin kepada keluarga asnaf dan miskin sekitar bandar Kuala Terengganu yang telah dikenalpasti terlebih dahulu oleh pihak Masjid sebagaimana ketetapan Mesyuarat sebelumnya.

Hadir sama dalam Majlis Qurban kali ini adalah Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri dan Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa yang mewakili Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM. Juga turut bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Syed Salleh bin Syed Yusof Az-Zawawi selaku Pengerusi Masjid Abidin (Masjid Negeri).





Penyembelihan lembu qurban dimulai dengan lembu Kurniaan KDYMM Sultan Terengganu
The event commenced with the slaughtering of cow graciously bestowed by His Royal Highness Sultan of Terengganu





Aktiviti melapah lembu qurban dilakukan secara gotong-royong mengikut kumpulan sesuai dengan pematuhan SOP
Butchering activities in accordance with the SOP

QURBAN MEAT FOR THE ASNAF GROUP

As in past years, Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) this time around had organized the sacrificial event known as *Majlis Ibadah Qurban YDSM,* the eighth year anniversary since its debut in 2014. The undertaking has truly met YDSM's goal to improve the socioeconomic of the rakyat through various programmes and social welfare activities such as the distribution of qurban meat to the asnaf and the needy as highly encouraged in Islam.

Organising and executing *qurban* activities fall under the purview of the Zakat Distribution Committee (JAZ). This year, JAZ decided that this noble programme be performed at Masjid Abidin (the State Mosque), Kuala Terengganu on the second day of *AidilAdha*, which was on the 21st, of July 2021.

Following the practice of the previous year, the event this year too had to strictly comply the SOP of Covid-19. All concerned personnel must be guided strictly by the requirement of the SOP under what is termed as the new normal.

In this regard, YDSM arranged a special meeting with the Mosque Committee to discuss preparations to ensure its success especially in terms of the compliance with SOPs as set by the Terengganu Religious Affairs Department (JHEAT) and the Islamic Religious Council and Malay Customs, Terengganu (MAIDAM), so each step and action can be carried out in an organized and smooth manner.

According to the Member of the Board of Trustees of YDSM, Yang Berbahagia Dato 'Haji Mohd Fadzli bin Yusof, like previous years His Royal Highness Al Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah, the Chairman of YDSM has graciously consented to bestow a cow for the ceremony. There was also the full participation of a member of the Board of Trustees of YDSM.

For this time around, about 300 packages of qurban meat, 1 kilogram for each package, were distributed by the staff/ volunteers of the Abidin mosque to asnaf and poor families around the city of Kuala Terengganu. These recipients had been first identified and selected by the Mosque as agreed at the meeting with YDSM.

Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri and Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa represented the Board of Trustees of YDSM at the event. They were accompanied by YBhg. Dato' Dr. Syed Salleh bin Syed Yusof Az-Zawawi, the Chairman of Masjid Abidin (State Mosque).





PANDEMIK COVID-19: BANTUAN YDSM UNTUK GOLONGAN TERJEJAS

Penularan Pandemik Covid-19 sejak awal tahun 2020 telah merencatkan kegiatan ekonomi ekoran langkah pengawalan dan pencegahan awal yang terpaksa diambil oleh pihak Kerajaan dalam langkah bagi memutuskan rantaian virus tersebut melalui pelbagai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sepanjang tempoh perintah-perintah tersebut, lebih-lebih lagi sewaktu PKP, suasana ekonomi negara sungguh suram dengan kebanyakan sektor ekonomi terbantut – peniaga dan pedagang dari yang sebesar sehingga yang sekecil seperti peruncitan dan penjual ditepi jalan tidak dapat beroperasi. Ini memberi kesan mendalam secara langsung kepada semua, apatah lagi golongan pekerja yang makan gaji dan menerima upah, dalam pelbagai sektor termasuk pembuatan, pengangkutan, perkilangan, pelancongan dan seumpamanya.

Sesungguhnya ia memberi impak yang berat kepada anggota masyarakat yang bergantung sepenuhnya kepada sumber pendapatan secara harian dan mingguan akibat wabak tersebut mereka hilang pekerjaan. Peruncit dan peniaga terpaksa menangguhkan operasi, kedai dan gerai terpaksa ditutup. Yang mempunyai keluarga terus terhimpit. Situasi menekan ekonomi keluarga kerana punca pendapatan tetap sudah tiada.

Memahami kesukaran dan keperitan yang terpaksa ditanggung ini, YDSM tampil menghulurkan bantuan khususnya kepada para penerima yang pernah dan telah memperolehi bantuan YDSM sebelum ini. Sepanjang tahun 2021, YDSM memperuntukkan sejumlah 600 bungkusan bantuan untuk golongan asnaf berupa sumbangan barangan dapur seperti beras, milo, susu, gula, tepung gandum, minyak masak, biskut, bihun, kicap dan lain-lain yang bernilai **RM250.00** untuk setiap keluarga. Turut menerima bantuan ini adalah pengusaha bot penambang dan penarik beca serta keluarga di penempatan setinggan sekitar daerah Kuala Terengganu. Adalah diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban penerima berkenaan. Setiap sumbangan bantuan tersebut boleh menampung keperluan makanan sebulan bagi mana-mana keluarga purata seramai lima (5) orang ahli.

Sumbangan ini juga meneruskan kesinambungan program yang sama dilaksanakan oleh YDSM dalam tahun 2020 dimana misi menyalurkan bantuan kepada golongan yang terhimpit kesusahan hidup akibat pandemik ini mula digerakkan oleh YDSM semasa diawal penularan pandemik lagi.





Penyerahan bantuan COVID-19 kepada keluarga asnaf/miskin oleh Tuan Haji Azizulrahim dan Tuan Haji Mohd Fauzi, masing-masing merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM

The provision of COVID-19 assistance to asnaf/poor families by Tuan Haji Azizulrahim and Tuan Haji Mohd Fauzi, both are members of the Board of Trustees of YDSM

COVID 19 PANDEMIC: YDSM ASSISTANCE TO AFFECTED GROUPS

The outbreak of Covid-19 Pandemic since early 2020 has disrupted economic activities as the Government had to take control and preventive measures in order to break the virus chain through the enforcement of the Movement Control Order (MCO), Conditional Movement Control Order (CMCO) and Control Order. Recovery Movement (RMCO). During these measures, especially the MCO, the country's economy was bleak with most economic sectors remained stagnant and slowed down as traders and merchants, big and small such as retailers and roadside vendors could not operate. This has directly affected all, not to mention the wage earners in practically all sectors including manufacturing, transportation, tourism and so on and so forth.

Indeed it has heavyly affected all members of society who are completely dependent on daily and weekly sources of income when all of a sudden they lose their jobs. Retailers and traders had to suspend their operations. Shops and stalls had to be closed. Those having to support a family suffered the most. The burden of heavy financial pressure deeply pinned upon the family economy when their sources of income were cut off.

Realizing these difficulties and hardships, YDSM came forward to extend its financial aids, in particular to the existing recipients of YDSM. Throughout 2021, YDSM allocated a total of 600 aid packages for the asnaf in the form of donations of food items like rice, milo, milk, sugar, wheat flour, cooking oil, biscuits, soy sauce and others worth RM250 for each family. Similar help was also distributed to passenger boat operators and rickshaw pullers as well as families within inner-city slums around Kuala Terengganu. In this manner, it would help to alleviate their suffering and financial hardship. Each package could last one month consumption for a family with an average of five (5) members.

The programme was in fact a continuation of the previous move undertaken by YDSM in 2020, as the effort to channel aid for those in distress due to the covid pandemic was first launched by YDSM.





Penyerahan bantuan COVID-19 kepada keluarga asnaf/miskin oleh Tuan Haji Azizulrahim dan Tuan Haji Mohd Fauzi, masing-masing merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM

The provision of COVID-19 assistance to asnaf/poor families by Tuan Haji Azizulrahim and Tuan Haji Mohd Fauzi, both are members of the Board of Trustees of YDSM





Penyerahan bantuan COVID-19 kepada penarik beca dan pengusaha bot penambang di Kuala Terengganu

Handing over COVID-19 aids to passenger boat operators and rickshaw pullers

TAMAN NEGERI SETIU WETLANDS SENTIASA DEKAT DENGAN YDSM



Boardwalk at the Setiu Wetlands

Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) amat prihatin dan sentiasa mengikuti perkembangan yang dilaksanakan dalam program pembangunan Taman Negeri Setiu Wetlands. Sebenarnya ianya selari dengan salah satu matlamat besar YDSM ke arah menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Yang demikian pembangunan lestari alam sekitar, terutamanya di kawasan Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetlands) amat menepati matlamat besar ini.

Menyedari betapa pentingnya kelestarian pembangunan serta masa hadapan Setiu Wetlands, YDSM telah mengemukakan Memorandum kepada pihak berkuasa yang berkaitan mengenai cadangan dan tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan Setiu Wetlands, pada 22 September 2018. Sesungguhnya YDSM amat berbesar hati dan menghargai usaha Kerajaan Negeri Terengganu menerusi Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTN) yang telah menjadikan Memorandum tersebut sebagai petunjuk dan penanda aras dalam melaksanakan program pembangunan Taman Negeri Setiu Wetlands.

Dalam usaha mengikuti perkembangan pembangunan yang dilaksanakan di Setiu Wetlands, YDSM setiap tiga (3) atau enam (6) bulan sekali akan menjemput pihak MPTN untuk membentang dan memaklumkan perkembangan program pembangunan yang dilaksanakan dalam mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDSM yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin. Melalui pembentangan sedemikian YDSM akan sentiasa mendapat maklumat yang terkini dan terperinci berkaitan program pembangunan yang dilaksanakan disamping dapat memberikan maklum balas dan cadangan menambah baik kepada pihak MPTN.

Sebagaimana umum sedia maklum, Taman Negeri Setiu Wetlands yang terletak dalam Daerah Setiu merupakan kawasan yang kaya dengan khazanah alam dan kepelbagaian biologi. Kawasan yang diurus tadbir oleh Majlis Pengurusan Taman Negeri ini amat penting untuk dilindungi kerana kelestarian ekosistemnya akan menyumbang kepada sumber pendapatan kepada komuniti setempat. Pada masa sama, ekosistem ini amatlah penting sebagai warisan yang akan terus dinikmati oleh generasi mendatang.

Kawasan Setiu Wetlands mempunyai ekosistem yang unik dimana sebelum ini ianya diiktiraf sebagai satu-satunya kawasan yang mempunyai sembilan (9) ekosistem atau habitat semulajadi yang berdekatan dan berhubungkait antara satu sama lain iaitu laut, pantai, lumpur, lagun, muara, sungai, pulau, hutan pantai dan hutan paya bakau. Terkini, Dr. Jarina Mohd Jani, Pensyarah/Penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam siri WEBINAR oleh MPTN pada 24 Ogos 2021 menyatakan bahawa, sebenarnya terdapat 10 ekosistem di kawasan Setiu Wetlands. Ekosistem terbaru yang dikenalpasti adalah Tasik Air Tawar.

Senarai ketetapan 10 ekosistem terkini mengikut susunan yang terdapat di Setiu Wetlands adalah Hutan Bris, Tasik Air Tawar, Paya Gelam, Sungai, Paya Bakau, Pulau, Beting Pasir/Dataran Lumpur, Laguna, Muara dan Pantai. Merujuk kepada senarai ekosistem yang terkini, ekosistem Laut telah dikeluarkan daripada senarai dan diubah kepada ekosistem Tasik Air Tawar. Selain itu, turut ditambah adalah ekosistem Hutan Bris yang mana sebelum ini ianya dirangkum sekali dalam ekosistem Paya Gelam. Kesemua 10 ekosistem ini telah diterimapakai dan diiktiraf di peringkat MPTN.

Dalam memastikan Taman Negeri Setiu Wetlands diurus dengan baik, pihak MPTN telah menyediakan sebuah Pelan Pengurusan Taman Negeri Setiu Wetlands bagi tempoh 2021-2030. Pelan Pengurusan tersebut mengandungi enam strategi iaitu Meningkatkan Perlindungan dan Pemuliharaan Habitat Semulajadi dan Budaya, Meningkatkan Kemahiran dan Keupayaan untuk Pengurusan Lestari, Memperkasakan Masyarakat Tempatan Sebagai Pemegang Taruh Utama Taman, Menubuhkan Protokol Pemantauan Alam Sekitar, Mengukuhkan Program Pendidikan dan Penyelidikan Alam Sekitar dan Meningkatkan Potensi Taman Sebagai Destinasi Eko Pelancongan Utama Negeri. Selain itu, terdapat empat (4) zon yang terlibat dalam pelan pengurusan tersebut iaitu Zon Pemeliharaan, Zon Pemulihan, Zon Penggunaan Lestari dan Zon Eko Pelancongan.

Pihak MPTN telah menjalin kolaborasi dengan pelbagai pihak bagi memastikan Program Pembangunan Taman Negeri Setiu Wetlands berjaya mencapai matlamatnya. Antara agensi Kerajaan Negeri yang terlibat adalah Pejabat Daerah Setiu, Majlis Daerah Setiu dan Pusat Sains & Kreativiti Terengganu. Sementara agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat adalah Jabatan Perhutanan, Jabatan Perhilitan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Selain itu, dari segi akademik, universiti yang terlibat adalah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Terdapat juga pihak NGO yang terlibat iaitu Koperasi Pembangunan Setiu Wetlands Berhad (KOSWEB), World Wide Fund For Nature (WWF), Setiu Wetlands Ecotourism Discovery (ECOSWED) dan Sahabat Setiu. YDSM pula berperanan sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam sebarang program pembangunan yang terlibat dalam kawasan Taman Negeri Setiu Wetlands.

Menerusi konsep eko pelancongan, pihak MPTN telah menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik untuk pelawat atau pelancong yang mengunjungi Taman Negeri Setiu Wetlands. Antaranya adalah Boardwalk Setiu iaitu laluan pejalan kaki sepanjang 550 meter, aktiviti melihat Kelip-Kelip di sepanjang Sungai Setiu dengan menaiki bot pada waktu malam, Program Rehabilitasi iaitu penanaman anak pokok bakau, aktiviti Kembara Bakau iaitu menerokai ilmu berkaitan alam semulajadi yang kaya dengan kepelbagaian spesis bakau dan nipah, aktiviti menelusuri Sungai Setiu iaitu menaiki bot selama 30 minit sambil menikmati pemandangan hutan bakau dan aktiviti komuniti iaitu aktiviti menangkap lokan, kepah, ketam nipah dan lain-lain berkonsepkan 'tangkap dan lepas' serta mempelajari proses anyaman bagi penghasilan barangan kraftangan komuniti setempat.

Untuk makluman semua, banyak kemudahan yang telah disediakan di kawasan Taman Negeri Setiu Wetlands ini. Antara pembangunan kemudahan yang telah dibina adalah Pusat Penerangan Pelancongan, Pos Kawalan, Surau dan Dewan Terbuka. Selain kemudahan dalam kawasan Taman Negeri, pembangunan kemudahan di luar kawasan Taman Negeri turut dibina seperti Jeti Terapung, Jeti Pelancongan Kampung Mangkuk, Pusat Penerangan Pelancongan Kampung Mangkuk, Medan Ikan Bakar Kampung Mangkuk dan Jeti Nelayan Kampung Mangkuk. Ini akan membuka peluang kepada penduduk setempat dalam kegiatan ekonomi. Disamping itu, dalam memastikan keselamatan, pengawalan dan kelancaran pengurusan di kawasan Taman Negeri Setiu Wetlands, MPTN telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan dengan menempatkan tiga (3) orang renjer.

Selain itu, terdapat juga beberapa pembangunan kemudahan lain yang telah dirancang termasuk yang sedang dilaksanakan. Antara pembangunan kemudahan yang sedang dibina adalah projek mendalamkan Sungai Alur Keling, Kampung Pengkalan Gelap. Pembangunan kemudahan yang sedang dirancang adalah untuk membina laluan pejalan kaki (Boardwalk) di Kampung Pengkalan Gelap, yang mana di dalamnya terdapat menara tinjau, kiosk, landskap, ruang bergambar dan sebagainya.

MPTN telah bergerak aktif di kawasan Taman Negeri Setiu Wetlands dengan menganjurkan pelbagai program. Banyak program telah dirancang pada tahun ini, namun disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat juga program yang tidak dapat dilaksanakan. Antara program yang telah berjaya dilaksanakan adalah Program Kenali Taman Negeri Terengganu, Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti Setiu Wetlands, beberapa siri WEBINAR, Program *Forest Gardening* dan Gotong-royong, Setiu Wetlands *State Park Monsoon Sensation,* Setiu Wetlands *Monsoon Ride* dan Jelajah Kenali Taman Negeri Terengganu. Antara program yang tidak dapat dilaksanakan adalah Festival Setiu Wetlands, *Capturing Setiu* Wetlands dan Setiu Wetlands *State Park Discovery.* Semoga segala inisiatif ini akan mempertingkatkan lagi daya tarikan dan promosi Taman Negeri Setiu Wetlands.

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan MPTN serta program dan aktiviti yang telah dan akan dijalankan anda boleh merujuk laman web rasmi MPTN: www.mptn.terengganu.gov.my dan media sosial MPTN seperti Facebook (Terengganu State Parks), Instagram (terengganustateparks) dan YouTube (Terengganu State Park). YDSM berharap pihak MPTN terus bergerak aktif dalam melaksanakan aktiviti dan program yang bermanfaat kepada masyarakat terutamanya untuk komuniti Setiu Wetlands.



Kemudahan yang terdapat di kawasan pintu masuk utama Taman Negeri Setiu Wetlands, Kampung Pengkalan Gelap, Setiu, seperti Boardwalk, Pusat Penerangan Pelancongan, Pos Kawalan, Surau, Kiosk dan Dewan Terbuka.

Facilities available at the main entrance area of the Setiu Wetlands State Park, Kampung Pengkalan Gelap, Setiu, including Boardwalk, Tourist Information Centre, Guard Post, Surau, Kiosk and Open-Air Hall.

SETIU WETLANDS STATE PARK ALWAYS CLOSED TO YDSM

Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) has always been extremely closed to the Setiu Wetlands State Park and constantly follows the progress of its development programme. As a matter of fact, this is in line with YDSM's aim towards the preservation and conservation of the environment. Thus, the sustainable development of the environment, especially in the Setiu Wetlands is very much in line with this aim.

Realizing the importance of sustainable development and the future of Setiu Wetlands, YDSM has submitted a Memorandum to the related authority on 22nd September 2018, outlining a set of plans and actions for the purpose of conservation and preservation of Setiu Wetlands. Indeed, YDSM is very pleased and appreciates the efforts and measures carried out by the Terengganu State Government through the State Park Management Council Terengganu (MPTN) for duly endorsing the Memorandum as a guide and benchmark for the implemention of the Setiu Wetlands State Park development programmes.

Towards this end, either at quarterly or half yearly interval, YDSM will invite MPTN to present, deliberate and brief its development blueprint at the meeting of the YDSM Board of Trustees chaired by His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. By such presentation, YDSM will be able to keep abreast with detailed information as well as latest status related to the development programmes implemented as well as be able to provide relevant feedback and suggestions to MPTN.

As all are aware, the Setiu Wetlands State Park, which is located in Setiu District, is an area endowed with rich natural resources and biological diversity. The area that is being managed by MPTN is very important to be protected and preserved as it generates a source of income to the local community from its ecosystem sustainability initiatives. In addition, it will serve as an important heritage to be enjoyed by future generations.

Setiu Wetlands has unique ecosystem where it was previously recognized as the only area that has nine (9) elements or natural habitats located adjacent and inter-connected to each other, namely the sea, beaches, mud, lagoons, estuaries, rivers, islands, coastal forests and mangrove swamp forests. However, recently, Dr. Jarina Mohd Jani, a Lecturer/ Researcher from Universiti Malaysia Terengganu (UMT) at the WEBINAR series conducted by MPTN on 24th August 2021, declared that there are actually ten (10) ecosystems in the Setiu Wetlands. The latest ecosystem identified is the Freshwater Lake.

The latest of ten (10) ecosystems listed in the Setiu Wetlands are Bris Forest, Freshwater Lake, Gelam Swamp, River, Mangrove Swamp, Island, Sand Shoal/Mud Plateau, Laguna, Estuary and Beach. Referring to these ecosystems, the Marine ecosystem has been removed from the list and replaced with the Freshwater Lake ecosystem. Besides, the Beris Forest ecosystem is the additional parameter previously categorised under the Paya Gelam ecosystem. All these ten (10) ecosystems have now been accepted and recognized at the MPTN level.

To ensure the Setiu Wetlands State Park is well maintained, MPTN has formulated a Management Plan or Blueprint for the period of 2021-2030. The Plan comprises six strategies, namely improving the Protection and Conservation of Natural and Cultural Habitats, Improving Skills and Capabilities for Sustainable Management, Empowering Local Communities as Key Stakeholders of Parks, Establishing Environmental Monitoring Protocols, Strengthening Environmental Education and Research Programmes and Enhancing Park Potential As the State's Leading Eco-Tourism Destination. In addition, there are four (4) zones involved under the Management Plan, viz, Conservation Zone, Rehabilitation Zone, Sustainable Zone and Eco-Tourism Zone.

For this purpose, MPTN also collaborated with various parties to ensure the development drive at the Park will attain its goals. Among the State Government agencies involved are the Setiu District Office, the Setiu District Council and the Terengganu Science & Creativity Centre. In addition at the Federal level, agencies involved are the Forestry Department, the Wildlife Department

and the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM). From the acamedia, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) are active collaborators. For the NGOs active parties participating towards implementing the Management Plan include Koperasi Pembangunan Setiu Wetlands Berhad (KOSWEB), World Wide Fund For Nature (WWF), Setiu Wetlands Ecotourism Discovery (ECOSWED) and Sahabat Setiu. Meanwhile, YDSM's role is to facilitate and complement measures and efforts carried out by the State Government and the Federal Government in any development programme involved in the Setiu Wetlands State Park.

Through the concept of eco-tourism, MPTN has provided a variety of interesting activities for visitors or tourists to the Park. Among them include the Setiu Boardwalk which is a 550 meter long walking path, activities retaled to watching fireflies along the Setiu River by boat at night, rehabilitation programme involving planting of mangrove saplings, Mangrove Adventure activities to explore knowledge/information on nature richness in the diversity of mangrove species and nipah palm, Tracing the Setiu River an activity for a thirty-minute boat ride enjoying the scenery of the mangrove forest and community activities such as catching mussels, clams, nipah crabs and others on the basis of 'catch and release back' as well as indulging in the weaving process for the production of local community handicrafts.


In fact numerous facilities have been established in the Setiu Wetlands State Park. Among them are the Tourism Information Centre, Guard Post, Surau and Open-Air Hall. Besides, the erecting facilities outside the State Park had been undertaken such as the Floating Jetty, Kampung Mangkuk Tourism Jetty, Kampung Mangkuk Tourism Information Centre, Kampung Mangkuk Grilled Fish Square and Kampung Mangkuk Fishermen's Jetty. All these facilities have helped to open up economic activities and opportunities for the local community. In addition, to ensure safety and security, MPTN has carried out enforcement operation by assigning three (3) rangers.

A range of other facilities and services are in the pipeline with some being currently undertaken by MPTN. Among initiatives underway include the project to deepen Sungai Alur Keling, Kampung Pengkalan Gelap. Another development facility that is being planned is to build a pedestrian walkway (Boardwalk) in Kampung Pengkalan Gelap, which includes Watch Tower, kiosks, land scapes, photo booths and so forth.

On the promotion drive, MPTN has been very active in publicising the Setiu Wetlands State but due to the Movement Control Order (PKP), a number of its projects have to be shelved during the year. Nonetheless, the ones that have been successfully implemented include the Terengganu State Park Awareness Programme, Setiu Wetlands Community Friendly Ceremony, WEBINAR series, Forest Gardening and Gotong-royong Programme, the Setiu Wetlands State Park Monsoon Sensation, the Setiu Wetlands Monsoon Ride and Terengganu State Park Awareness Tour. Among the initiatives put on hold include Setiu Wetlands Festival, Capturing Setiu Wetlands and Setiu Wetlands State Park Discovery. Certianly, all these initiatives would contribute further towrards enhancing the attractiveness and promotion of Setiu Wetlands State Park.

For further information on MPTN including its programmes and inititiaves please refer the official website of MPTN: www.mptn.terengganu.gov.my and MPTN social media such as Facebook (Terengganu State Parks), Instagram (terengganustateparks) and YouTube (Terengganu State Park). YDSM hopes MPTN will continue to be active in organizing activities and programmes beneficial to all, especially for the Setiu Wetlands community.

SEPULUH (10) EKOSISTEM DI SETIU WETLANDS
TEN (10) ECOSYSTEMS IN THE SETIU WETLANDS



Hutan Bris (Bris Forest)
Drone image by Saef Wan




Tasik Air Tawar (Fresh Water Lake)
Drone image by Hafiza Ellias



Sungai (River)
Drone image by Hafiza Ellias



Paya Gelam (Gelam Swamp)
Drone image by Hafiza Ellias




Paya Bakau (Mangrove Swamp)
Drone image by Hafiza Ellias



Pulau (Island)
Drone image by Hafiza Ellias



Beting Pasir/Dataran Lumpur (Sand Shoal/Mud Flat Plateau)
Drone image by Hafiza Ellias



Laguna (Lagoon)
Drone image by Hafiza Ellias



Muara (Estuary)
Drone image by Hafiza Ellias



Pantai (Beach)
Drone image by Saef Wan

ANTARA PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN
AMONG ACTIVITIES ORGANIZED



Program Rehabilitasi Anak Pokok Bakau
(Task Force Forest Gardening)



Setiu Wetlands Monsoon Ride





Majlis Ramah Mesra MPTN Bersama Warga Setiu Wetlands
Outreach Programme between MPTN and local community

AKTIVITI KOMUNITI SETIU WETLANDS
COMMUNITY ACTIVITIES IN SETIU WETLANDS







Aktiviti Komuniti Setiu Wetlands sebagai sumber rezeki seperti mencari dan menjual lokan, kepah dan ketam nipah serta pembuatan produk kraftangan
Setiu Wetlands Community Activities as a source of livelihood such as finding and selling mussels, clams and nipah crabs as well as producing handicraft

"YOUR LANGUAGE MY CULTURE" MEMIKAT PERHATIAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Your Language My Culture (YLMC) merupakan salah satu program pembangunan pendidikan yang dilaksanakan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) yang memikat perhatian Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), apabila terpilih untuk slot Bicara Penyelidikan bagi membentangkan hasil dan kepakaran penyelidikan dalam *Festival of IDEAS,* KPT yang dilaksanakan secara atas talian. Program yang dianjurkan oleh KPT dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tersebut merupakan satu platform digital yang bertujuan berkongsi maklumat hasil penyelidikan, inovasi dan kesarjanaan kepada pihak berkepentingan.

Dalam Forum bagi membicarakan hal ini, yang diadakan pada 20 Ogos 2021, yang menampil beberapa orang ahli panel, antaranya Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof yang merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan DiRaja Sultan Mizan, Profesor Dato' Dr. Rashila Ramli dan Profesor Datin Dr. Rusy Suliza Hashim daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Tuan Haji Wan Zuraidi Wan Zaid daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT). Forum yang dikendalikan oleh Profesor Madya Dato Dr. Noraini Md Yusof UKM selaku moderator turut diserikan dengan penampilan khas Dato' Azizulhasni Awang, *The Pocket Rocketman* dari Australia yang juga merupakan pemenang pingat perak Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Para panel telah menjelaskan tentang tujuan dan konsep asas YLMC yang merupakan satu inisiatif dalam penyediaan bacaan tambahan Bahasa Inggeris kepada murid-murid sekolah menengah di Terengganu berpaksikan korpus bacaan yang diambil dari material budaya tempatan yang sememangnya telah diketahui umum di Terengganu.

Dalam Forum tersebut, Dato' Fadzli telah menyampaikan hasrat YDSM, selaku pemegang taruh utama Program YLMC bahawa setelah lima (5) tahun pelaksanaannya, YLMC mampu memberi impak yang besar kepada pembangunan Pendidikan Negara dan harus diambil perhatian yang sewajarnya oleh KPT agar dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Melalui kajian yang dijalankan oleh pihak UKM, YLMC juga terbukti dapat memperkasakan budaya tempatan selain matlamat untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan murid-murid sekolah di Terengganu.



Poster forum yang menampilkan moderator, para panel dan jemputan khas
Panel members and the moderator of the Forum



Sebahagian ahli panel forum dan hadirin yang menyertai forum maya
Panel members and participants via online platform

"YOUR LANGUAGE MY CULTURE" CAUGHT THE ATTENTION OF MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Your Language My Culture (YLMC) is one of the educational enhancement programmes undertaken by Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) that caught the attention of the Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE) when it was selected for the Research Talk slot, conducted online, where outcomes and expertise were presented in the "MOHE Festival of IDEAS". The Festival was organized by MOHE in collaboration with Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM), is actually a digital platform for the purpose of sharing information on research, innovation and scholarstic for stakeholders concerned.


A Forum was held on 20th August 2021, to deliberate on the subject, featuring panel members which include Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Member of the Board of Trustees, Yayasan DiRaja Sultan Mizan, Professor Dato' Dr. Rashila Ramli and Professor Datin Dr. Rusy Suliza Hashim, both from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Tuan Haji Wan Zuraidi Wan Zaid from the Terengganu State Education Department (JPNT). The Forum, moderated by Associate Professor Dato Dr. Noraini Md Yusof. UKM, was also graced with a special appearance, from Australia, of Dato' Azizulhasni Awang, The Pocket Rocketman who is also the silver medalist of the Tokyo 2020 Olympic Games.

The panel members outlined the purpose and the basic concept of YLMC, an initiative to create additional English reading materials for secondary school students in Terengganu based on a reading corpus taken from local cultural elements popular among the general public in Terengganu.

At the Forum, Dato' Fadzli expressed the desire of YDSM, as the main stakeholder of the YLMC that after five (5) years of implementation, the Programme would certainly able to give a significant impact towards the development of National Education. He therefore urged MOHE to accordingly consider embarking it at the national level. Through a study conducted by UKM, YLMC indeed has proven to embolden the local culture whilst at the same time enhancing English proficiency among school children in Terengganu.



Antara barisan panel dan modetor yang bersiaran daripada Universiti Kebangsaan Malaysia Panel
Panel members with the moderator in the centre



Dato' Azizulhasni Awang merupakan salah seorang personality yang di letakkan dalam salah sebuah buku teks YLMC
Dato' Azizulhasni Awang is featured in a text book

KIT UJIAN KENDIRI COVID 19 UNTUK JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

YDSM dan bidang kesihatan awam tidak dapat dipisahkan. Terbaharu, YDSM telah menyalurkan sumbangan sejumlah 8,000 unit kit ujian kendiri Covid-19 kepada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) bagi kegunaan di peringkat daerah khususnya di Klinik Kesihatan (KK) untuk ujian kepada penduduk setempat.

Sumbangan ini juga adalah selaras dengan hasrat dan objektif YDSM dalam rangka saling bekerjasama dan membantu pihak Kerajaan untuk memastikan kesihatan awam sentiasa berada ditahap yang terbaik walaupun negara sedang berperang dengan penularan Covid-19. Sepanjang awal dan pertengahan tahun 2021, penularan wabak Covid-19 di seluruh negara, termasuk Terengganu amat kritikal. Permintaan yang mendesak untuk kit ujian merupakan satu cabaran besar memandangkan ujian ini amat genting dan penting dalam usaha mengawal dan membendung penularan wabak. Terengganu antara negeri yang dilaporkan rendah kadar ujian covid.

Atas hakikat ini inisiatif diambil oleh YDSM untuk memperolehi kit ujian tersebut untuk diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT). Upacara penyerahan telah diadakan pada 25 Ogos 2021, di Pejabat YDSM dalam suasana pematuhan SOP sebagaimana sedia maklum. YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM telah mewakili YDSM bagi penyerahan sumbangan tersebut kepada YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Turut hadir adalah Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM.

Menurut YBhg. Dato' Haji Azri Sani, sumbangan kali ini adalah antara sumbangan yang terbesar oleh YDSM kepada JKNT dalam bidang kesihatan yang melibatkan nilaian sumbangan berjumlah **RM280,000.00.** Seiring dengan sumbangan ini, YDSM berharap masyarakat Terengganu khasnya akan lebih peka dengan kesihatan diri masing-masing ekoran pandemik Covid 19 ini masih lagi menular.

Sebelum ini, YDSM pernah menyumbang beberapa peralatan oftalmologi kepada JKNT yang melibatkan sumbangan hampir setengah juta ringgit.





COVID 19 SELF-TEST KITS FOR TERENGGANU STATE HEALTH DEPARTMENT

YDSM and public health are inseparable. Recently, YDSM has donated a total of 8,000 units of Covid-19 self-test kits to the Terengganu State Health Department (JKNT) for its use at various districts, and in particular at the respective District Health Clinic/Centre (KK) for the benefit of local communities.

Indeed, the contribution is in line with the aspirations and objectives of YDSM to work in close collobaration with the Government to ensure the public health always remained at the best level, more so in an evironment where the nation was battling Covid-19. Throughout early and mid-2021, the spread of the Covid-19 pandemic nationwide, including Terengganu was most at the critical stage. The demand for test kits was a major challenge as the test was essential in the strategy to control and curb the pandemic. Terengganu was then among the states reportedly to be among the lowest rate of covid test.

In view of this, the initiative was embarked upon by YDSM to secure the supply of relevant test kits to be given to the authorities through the Terengganu State Health Department (JKNT). The handing over ceremony was held on 25th August 2021, at the YDSM Office in an atmosphere of strict compliance with SOP. YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Member of the Board of Trustees of YDSM representing YDSM officiated the ocassiion with the delivery of the test kits to YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Director of Health, Terengganu State Health Department. Also present was Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Member of the Board of Trustees of YDSM.

According to YBhg. Dato' Haji Azri Sani, this was one of the largest contributions by YDSM to JKNT for the cause of public health at a total value of RM280,000. With this contribution, YDSM hopes that the people in Terengganu would be more cautious and sensitive towards their own health as the Covid 19 pandemic was still contagious.

Previously, YDSM had donated ophthalmological equipments to JKNT for eye test valued almost half a million ringgit.





Majlis penyerahan kit ujian kendiri Covid 19 oleh YDSM kepada JKNT. Penyerahan telah dibuat oleh YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM, mewakili YDSM kepada YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Handing over the Covid 19 self -test kits by YDSM to JKNT. It was officiated by YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Member of the Board of Trustees of YDSM, to YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Director of Health, Terengganu State Health Department

COVID 19 : ORANG ASLI SUNGAI BERUA, HULU TERENGGANU TERIMA VAKSIN

Penularan dan jangkitan Covid-19 di negara ini terus berlaku dan pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Antaranya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang menumpukan kepada usaha pemberian vaksin kepada rakyat bagi tujuan mengekang dan mengurangkan kadar jangkitan virus tersebut dikalangan masyarakat dan seterusnya melandaikan kadar kes jangkitan baharu serta kadar kematian akibat Covid 19. Justeru, setiap individu diminta untuk mengambil vaksin berkenaan mengikut saranan oleh pihak Kerajaan.

Menyahut dan menyedari akan kepentingan vaksin ini, YDSM dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) telah mengambil inisiatif khas dengan mengadakan Program Khas Pemberian Vaksin untuk masyarakat Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu pada 25 September 2021, bertempat di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu.

Program berkenaan turut melibatkan kerjasama pihak COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) Negeri Terengganu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan wakil penduduk. Antara gerak kerja yang dilakukan adalah turun padang memberi penerangan dari rumah ke rumah bagi meyakinkan masyarakat Orang Asli di Kampung berkenaan untuk menerima suntikan Covid-19. Langkah itu diambil bagi memberi keyakinan kepada masyarakat Orang Asli di perkampungan berkenaan yang sebelum ini masih takut kerana terpengaruh dengan pelbagai cerita negatif yang disebarkan. Hasilnya, program suntikan vaksinasi yang dilakukan mendapat sambutan apabila penduduknya turun memberi kerjasama.

Hadir di program berkenaan adalah YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM dan YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Turut hadir adalah Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM

YDSM turut mengambil inisiatif khas dengan menjemput beberapa orang doktor dan petugas khas Covid 19 dari Hospital Salam yang diketuai oleh YBhg. Dr. Abdul Manaf bin Che Mat dan Klinik Arrijal yang diketuai YBhg. Dr. Mohd Shahrul Faiz bin Mohd Noor yang masing-masing beroperasi di Kuala Terengganu untuk turut serta memberi sumbangan tenaga dan kepakaran mereka dalam program berkenaan bersama-sama doktor dan petugas dari JKNT.

Sementara itu, menurut YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani, seramai 327 masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua telah menerima suntikan vaksin CanSino dalam program berkenaan dan JKNT mensasarkan semua masyarakat orang asli di Terengganu akan diberikan vaksin sepenuhnya dalam masa terdekat. Turut dijalankan pada program berkenaan adalah pemeriksaan gigi dan kulit untuk penduduk setempat oleh pihak Klinik Kesihatan Daerah Hulu Terengganu.





Sesi taklimat penugasan oleh ketua kumpulan, Dr. Mohd Shahrul Faiz kepada petugas
A briefing session by the group leader, Dr. Mohd Shahrul Faiz to the operational staff

COVID 19: THE ORANG ASLI OF SUNGAI BERUA, HULU TERENGGANU GIVEN THE VACCINE

The Covid-19 pendamic in the country kept on spreading in the midst of various controlling and preventive measures being taken by the Government. One of the measures is the National COVID-19 Immunization Program (PICK) that focuses on providing vaccines to the people in order to curb and flatten the curve of new infection within the community, as well as its death rate. In this respect every individual has been urged to be vaccinated in accordance with the recommendation of the Government

As proactive strategy on the importance of the vaccine, YDSM together with Terengganu State Health Department (JKNT) had embarked upon an initiative in organising a Special Vaccine Programme Delivery for the Orang Asli community of Sungai Berua, Hulu Terengganu on 25th September 2021, at Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu.

The programme also involved the cooperation of the COVID-19 Immunization Task Force (CITF) Terengganu, the Department of Orang Asli Development (JAKOA), the District Office and residents' representatives. Among the measures carried out was the campaign from house to house to disemminate information in order to convince the community on the need to be vaccinated against Covid-19. This is crucial to instill the confidence among members of the Orang Asli community in particular, who were previously scared due to being influenced by various negative stories spreading within the village. All round, the vaccination programme was well received with residents coming out to colloborate.

The programme was graced with the presence of YBhg. Dato' Haji Azri Sani bin Dato' Mazlan, Member of the Board of Trustees of YDSM and YBhg accompanied by Dato' Dr. Hajjah Kasemani binti Embong, Director of Health, Terengganu State Health Department. Tuan Haji Azizulrahim bin Ahmad Zambri, Member of the Board of Trustees of YDSM was also present.

YDSM also invited doctors and Covid-19 special personnel from Hospital Salam led by YBhg. Dr. Abdul Manaf bin Che Mat and Arrijal Clinic led by YBhg. Dr. Mohd Shahrul Faiz bin Mohd Noor from Kuala Terengganu to participate and extend time and expertise together with doctors and medical staff of JKNT.

According to YBhg. Dato' Dr. Hajjah Kasemani, a total of 327 members of the Orang Asli in Kampung Sungai Berua were given the CanSino vaccination under programme and JKNT expected all Orang Asli in Terengganu to be fully vaccinated in the near future. The programme also carried out dental and skin examination for the Orang Asli by the Hulu Terengganu District Health Clinic.





Sesi taklimat gerak kerja oleh Pegawai Kesihatan JKNT kepada petugas bahagian rekod
A briefing session by JKNT Health Officer




Antara penduduk orang asli Sungai Berua yang menerima vaksin
Among reidents of Sungai Berua being vaccinated





YBhg. Dato' Azri Sani dan Tuan Haji Azizulrahim bersama Doktor dan petugas dari pengamal perubatan swasta yang dijemput oleh YDSM
YBhg. Dato' Azri Sani and Tuan Haji Azizulrahim with doctors and staff invited by YDSM to the programme





Gambar kenangan bersama kumpulan petugas bersama ALPA YDSM dan Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
One for the album ALPA YDSM with members of the Task Force and Director, Terengganu State Health Department

LAWATAN PROJEK PERTANIAN - MEMPERKASAKAN KELUARGA NELAYAN DI SETIU

Tanggal 2 Oktober 2021, YDSM dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Setiu telah mengadakan lawatan susulan ke rumah para peserta Program Memperkasakan Sosioekonomi Keluarga Nelayan Terengganu dalam bidang pertanian di daerah Setiu yang ditaja pihak Repsol Oil and Gas Malaysia Limited (Repsol Malaysia).

YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof (Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM) bersama isteri, To' Puan Sabariah binti Syed Mohd Yusoff dan Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustafa (Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM) serta pegawai YDSM telah mengadakan lawatan susulan menyantuni beberapa orang peserta program berkenaan di kediaman masing-masing. Turut hadir adalah Encik Mohd Hazni bin Hassan selaku Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Setiu. Rombongan pada kali ini berkesempatan melawat lima (5) rumah peserta sekitar Kampung Rhu Sepuluh dan Kampung Pandan Jaya, Setiu.

Tujuan lawatan adalah untuk mengetahui perkembangan dan status semasa peserta khususnya berkaitan perjalanan projek tanaman yang diusahakan, mendapatkan maklumbalas berkenaan projek seperti jualan dan sebarang masalah yang timbul sepanjang tempoh pelaksanaan projek disamping perkongsian ilmu tanaman dikalangan peserta. Program yang berkonsepkan *edible* atau *kitchen garden* adalah untuk memberi kesedaran akan pentingnya kerjasama sekeluarga terutamanya diantara suami dan isteri dalam langkah menambah pendapatan isirumah.

Daripada lawatan tersebut didapati hasil tuaian yang diperolehi oleh para peserta adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, jualan dan agihan kepada jiran-jiran. Peserta yang berpeluang menjual hasil mereka adalah kepada rakan-rakan tempat kerja sahaja. Rata-rata peserta melahirkan syukur dan gembira diatas kepercayaan dan peluang yang diberikan kerana secara langsung dapat memberi mereka pilihan untuk membantu suami khususnya sepanjang musim tengkujuh timur laut (November – Februari) setiap tahun ketika suami mereka tidak dapat ke laut. YDSM membelanjakan RM100,000 untuk program ini dimana setiap peserta dibekalkan dengan peralatan *hidroponik*, benih dan baja selain kursus selama tiga (3) hari yang dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri.

Jabatan Pertanian Negeri juga sentiasa memberi maklumbalas positif kepada peserta melalui bimbingan dan nasihat berterusan khususnya berkaitan kaedah dan penjagaan tanaman disamping baik pulih peralatan apabila berlaku kerosakan.





Lawatan YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof (Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM) berserta isteri, To' Puan Sabariah binti Syed Mohd Yusoff dan Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustafa (Ahli Lembaga Pemegang Amanah YDSM) ke diaman peserta Program Memperkasakan Sosioekonomi Keluarga Nelayan Terengganu dalam bidang pertanian di daerah Setiu. Turut hadir adalah Encik Mohd Hazni bin Hassan, Pengurus PNK Setiu

Visit by YBhg. Dato 'Haji Mohd Fadzli bin Yusof (Member of the Board of Trustees of YDSM) and wife, To' Puan Sabariah binti Syed Mohd Yusoff as well as Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustafa (Member of the Board of Trustees of YDSM) to homes of participants of agricultural project under the Terengganu Fishermen's Family Socio-Economic Empowerment Programme for the Setiu District. Encik Mohd Hazni bin Hassan, Manager PNK Setiu accompanied them.

VISIT TO AGRICULTURE PROJECT - STRENGTHENING THE WELL BEING OF FISHERMEN'S FAMILIES IN SETIU

On 2 October 2021, YDSM and the Setiu Fishermen's Association (PNK) organized a a visit to participants of the home agricultural project under the YDSM's Terengganu Fishermen's Family Socioeconomic Empowerment Programme in Setiu, sponsored by Repsol Oil and Gas Malaysia Limited (Repsol Malaysia).

YBhg. Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof (Member of the Board of Trustees of YDSM) and his wife, To' Puan Sabariah binti Syed Mohd Yusoff together with Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustafa (Member of the Board of Trustees of YDSM) as well as YDSM officers visited a number of participants of the Programme at their respective homes. Encik Mohd Hazni bin Hassan the Manager of the Setiu Fishermen's Association (PNK) also accompanied the delegation from YDSM. All in all the visistors had the opportunity to visit five (5) homes of the participants in the vicinity of Kampung Rhu Sepuluh and Kampung Pandan Jaya, Setiu.

The purpose of this visit was to closely look into the on-going development and the current status of the participants, specifically in respect of their farming activities, to seek their feedback on matters such as harvests, sales record and problems, if any that they have encountered during the implementation of the project as well as knowledge-sharing among participants. The Programme is based on the concept of edible or kitchen garden aims to create awareness of the need for family cohesion and understanding, in particular between husband and wife towards enhancing their household income.

Most of the participants informed the vsistors that whatever harvests obtained were either for their own consumption, sales or giveaways to their neighbours. Sales were manily among their colleagues at their workplace. All participants expressed their gratitude and appreciation for the trust and opportunities for being selected for the Programme as it would had given them the means to support their husbands, especially during the monsoon period (November-February) every year when they cannot go to sea. YDSM spent RM100,000 for the Programme in which each participant was provided with hydroponic facility, seeds and fertilizer in addition to the three (3) day course conducted with the collaboration of the State Agriculture Department.

The Department continuously channeled positive feedback to participants with counsel, guidance and advice, especially on ways and means of taking appropriate care of their farming as well as on repairing damaged equipments.





Perkongsian dan maklumbalas peserta kepada pihak YDSM dan PNK Setiu
Feedback and response from participants to the visitors





Antara tanaman yang diusahakan oleh peserta dirumah masing-masing seperti sawi, Salad, kangkung dan kalian.
Among the plants cultivated by the participants in their respective homes, including mustard, Salad and kailan.









KEBERANGKATAN KDYMM SULTAN TERENGGANU KE PUSAT REHABILITASI PERKESO

Pada 10 November 2021 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah, selaku Pengerusi Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) telah mengampuni pekenan mencemar duli berangkat ke Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang terletak di Hotel Permai Park Inn, Kuala Terengganu. Keberangkatan tiba Tuanku telah disambut oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dan YBhg. Datuk Dr. Hafez bin Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak serta Ahl-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan DiRaja Sultan Mizan.

Keberangkatan KDYMM Ke Pusat tersebut adalah bagi melihat sendiri operasi dan program pemulihan perubatan yang melibatkan Fisioterapi, Terapi Kerja, Terapi Hidro, Latihan Pemulihan secara vokasional serta peralatan robotik yang tercanggih dalam membantu proses rawatan rehabilitasi yang telah disediakan oleh PERKESO. Boleh dikatakan setiap pesakit yang menjalani proses terapi dan pemulihan dapat dipulihkan kecederaan dan kecacatan mereka. Yang lumpuh dapat berjalan kembali.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu (PRPKT) telah mula beroperasi pada 28 Jun 2020 di premis Hotel tersebut. Ianya merupakan satu-satunya pusat satelit yang beroperasi di bahagian Pantai Timur dan dilengkapi dengan pelbagai peralatan robotik yang tercanggih bagi membantu proses rawatan rehabilitasi. Di sini, kesemua peserta dan pesakit terdiri daripada pencarum PERKESO dan juga yang bukan pencarum.

PRPKT menawarkan proses rawatan intensif yang memfokuskan pada Fisioterapi, Terapi Neuro-Robotik, Terapi Carakerja dan Pengurusan Hilang Upaya. Jurupulih Anggota akan menyediakan kaedah rawatan fisioterapi yang komprehensif untuk membantu pesakit mencapai tahap mobilasi dan keupayaan berdikari yang maksimum. Kaedah rawatan yang diterapkan meliputi gabungan Terapi Manual dan Rawatan Robotik yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan berteknologi tinggi.

Antara peralatan robotik dan berteknologi tinggi yang terdapat di PRPKT adalah Neuro-Robotik & Cybernics, Lokomat, Anti-gravity, Treadmill (Alter-G), Huber 360, Biodex, Terapi Dry-Needling. Selain itu, Bahagian Terapi Carakerja berperanan melatih pesakit menguruskan kehidupan dan kemahiran bekerja agar menjadi lebih berdikari, produktif dan mampu menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih berkualiti. Dalam mencapai matlamat tersebut PRPKT menggunakan peralatan rehabilitasi yang berteknologi tinggi dan terkini seperti Orthogility CPM, Hocoma Armeo Spring, Motomed, Valedo, Flint Rehab, Chatanoga Wireless Pro, FitMii (Music).

Melihat kepada peralatan dan kemudahan yang disediakan di Pusat tersebut, YDSM berhasrat untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak PERKESO agar YDSM dapat menyalurkan bantuan rehabilitasi dan pemulihan perubatan dan kesihatan kapada asnaf yang berkaitan dan yang memerlukan bantuan dalam bentuk penyediaan proses pemulihan perubatan di Pusat berkenaan.



Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO menyembah maklum tentang kemudahan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu
The Chief Executive Officer of SOCSO briefed His Royal Highness on the facilities at the SOCSO Rehabilitation Center Kuala Terengganu

HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN OF TERENGGANU VISITED THE SOCSO REHABILITATION CENTER

On 10 November 2021, His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah, Chairman of YDSM graciously visited the Social Security Organization Rehabilitation Centre (SOCSO) located at Hotel Permai Park Inn, Kuala Terengganu. The arrival of His Highness was welcomed by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato 'Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO and YBhg. Datuk Dr. Hafez bin Hussain, Chief Executive Officer of SOCSO Tun Abdul Razak Rehabilitation Centre and members of the Board of Trustees, YDSM

The visit accorded an opportunity for His Royal Highness to closely witness and see the activities and various medical and health rehabilitation programmes involving Physiotherapy, Occupational Therapy, Hydro Therapy, Vocational Rehabilitation Training as well as the most advanced robotic equipment to assist in the rehabilitation treatment process provided by SOCSO. It is understood that every patient who has undergone the process of therapy and rehabilitation is able to recover from their injuries and disabilities. Those who were unable to walk can walk again.

The SOCSO Rehabilitation Centre Kuala Terengganu (PRPKT) commenced operations on 28th June 2020 at the Hotel. It is the only satellite centre operating in the East Coast and it is equipped with a variety of sophisticated and state-of – the-art robotic equipments to support the rehabilitation treatment process. All of its participants and patients comprise of both SOCSO contributors and non-contributors.



Salah seorang pesakit sedang menjalani proses Terapi Carakerja menggunakan peralatan rehabilitasi yang berteknologi tinggi
One of the patients undergoing the therapy process using high-tech rehabilitation equipment

PRPKT offers an intensive treatment process focusing on Physiotherapy, Neuro-Robotics Therapy, Occupational Therapy and Disability Management. Therapists will provide a comprehensive method of physiotherapy treatment to help patients in attaining a maximum level of mobility and self-reliance. These treatment methods include a combination of Manual Therapy and Robotic Treatment equipped with a variety of high-tech tools

Among the robotic and high-tech assets available at PRPKT are Neuro-Robotics & Cybernics, Lokomat, Anti-gravity, Treadmill (Alter-G), Huber 360, Biodex, Dry-Needling Therapy. In addition, the Therapy Division plays the role in training patients to manage their life and work skills to be more independent, productive and able to conduct their daily life with a better quality. In achieving this goal, PRPKT uses high-tech and the latest rehabilitation equipment such as Orthogility CPM, Hocoma Armeo Spring, Motomed, Valedo, Flint Rehab, Chatanoga Wireless Pro, FitMii (Music).

Looking at the technology and facilities provided at the Centre, YDSM intends to establish a working relationship with SOCSO in order to enable YDSM to provide facilities and services, medical and health rehabilitation assistance to the asnaf and those who needing help in the form of medical rehabilitation.



KDYMM Sultan Terengganu menyantuni penerima kerusi roda daripada PERKESO
His Royal Highness courted wheelchair recipient from SOCSO



Gambar Kenangan Wakil PERKESO Bersama KDYMM Sultan Terengganu
For the album marking the visit of His Royal Highness to the SOCSO Rehabilitation Centre, Kuala Terengganu

GALERI INSPIRASI USAHAWAN YDSM

HANI ZULAIKHA BINTI AZMAN AZHARE - USAHAWAN MUDA PRODUK PASTRI

"Usaha tangga kejayaan". Itulah antara prinsip dan pegangan yang disematkan dalam diri usahawan muda bimbingan YDSM dalam bidang pembuatan pastri, Hani Zulaikha binti Azman Azhare yang lebih mesra dengan panggilan Hani. Beliau, anak kelima (5) daripada lapan (8) orang adik-beradik, yang kini berusia 25 tahun mula berjinak dan meminati bidang pastri ini sejak usia 22 tahun lagi. Ayah beliau merupakan pesara tentera manakala ibunya pula adalah suri rumah sepenuh masa. Kecenderungan ke arah ini mula bertunas sejak zaman persekolahan apabila diberi peluang membantu saudara mara yang berniaga kuih-muih. Sekalipun mempunyai kelulusan Diploma Kejuruteraan dari Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun beliau memilih perniagaan pastri sebagai mata pencarian.

Hani yang pernah mengikuti kursus khas tajaan YDSM di Akademi Ziq selama lapan (8) bulan pada tahun 2020 melahirkan kesyukuran dan rasa gembira atas apa yang beliau miliki kini termasuk mampu membuka premis perniagaan sendiri yang agak besar di bandar Kemaman. Walaupun masih jauh dalam menggapai impian untuk bergelar usahawan pastri ternama, namun beliau percaya pada rezeki masing-masing. Setiap usaha yang dibuat dengan bersungguh-sungguh in syaa Allah akan menghasilkan ganjarannya.

Beliau juga amat melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada YDSM diatas peluang yang diberikan khususnya bimbingan dan ilmu yang diterima sepanjang tempoh Kursus tersebut. Sememangnya ia banyak membantu beliau menerokai bidang pastri khususnya apabila berjaya membuka perniagaan sendiri.

Menyingkap perjalanan jatuh bangun dalam kerjaya ini yang mula diceburi secara serius bermula tahun 2019, banyak kisah suka duka yang dihadapi. Namun, kegagalan bukanlah penamat buat anak muda ini. Bermula dengan jualan secara kecil-kecilan dari rumah, dengan kelengkapan yang minima, Hani mengorak langkah berani dengan menyewa sepetak kedai yang berupa kios kecil. Sedikit demi sedikit produknya diterima dan mula dikenali, langsung memberanikan langkah dengan menyewa suatu ruang kedai yang lebih besar disamping mampu menggaji beberapa pekerja yang juga merupakan kenalan rapat beliau.

Kini, beliau boleh mendabik dada ekoran mampu berdiri dan bersaing dengan pembukaan kedai pastri yang baru. Antara produk yang dihasil dan dijual adalah donut, cookies dan pelbagai jenis roti. Produk yang mendapat permintaan tinggi adalah donut topping dengan kepelbagaian perisa kerana harganya berpatutan dengan rasanya yang enak. Sebagai perancangan masa depan, beliau berhasrat membuka beberapa cawangan pastri dan amat berharap ini akan menjadi kenyataan tidak berapa lama lagi.

Atas kejayaan dan kemajuan yang dicapai, beliau kini telah berpindah ke premis baru yang lebih besar dan selesa mulai tahun 2022 bagi memenuhi serta mengikuti citarasa dan kehendak pelanggan di bangunan Arked Kemaman di bandar Chukai. Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan produk pastri Hani bolehlah berhubung dengan beliau di talian 014-5253273 atau lawati media sosial beliau di https://www.facebook.com/hani.zulaikha.581 atau Instagram: https://www.instagram.com/hunyoffera.d/







THE BUDDING PASTRY MAKING ENTREPRENUER – HANI ZULAIKHA

HANI ZULAIKHA BINTI AZMAN AZHARE - THE BUDDING PASTRY MAKING ENTREPRENUER

"Success can be attained through hardwork" This is the motto of a budding pastry making entreprenuer under YDSM guidance, Hani Zulaikha binti Azman Azhare or more comfortable with the nickname of Hani. She is the fifth child of eight siblings, who this year turns 25 years old. She first started to pick up the joy of pastry making three years ago. Her father retired from the army while her mother is a full-time housewife. Her interest in culinary started since her school days when she was given the opportunity to help her relatives making and selling cakes. Despite obtaining Diploma in Engineering from Polytecnic Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Hani has decided pastry business to be her source of livelihood.

Hani, a participant of the Pastry Making Course sponsored by YDSM at Akademi Ziq for eight (8) months in 2020, expressed her happiness for what she has owned now, including being able to open her own comfortable business premise in Kemaman. Although she is still far from achieving her dream of becoming a well-known pastry entrepreneur, she believes that the reward is from God. Every effort made diligently, Allah will bestow the reward accordingly.

She expressed her appreciation and gratitude to YDSM for the opportunity given, especially the guidance and knowledge that she had acquired during the Course. Indeed, it has encouraged her to explore the field of pastry making, and more crtically when she needs to open her own business.

In the ups and downs of her career which she began seriously in 2019, she had experienced both happy and sad moments. However, the failure did not become the end for her. Begining with meagre sales from home and with limited utensils, Hani took a bold step by renting a small kiosk. Soon her products gained steady acceptance until it became popular when she took the daring step to expand by renting a fairly larger premise as well as able to hire assistants who also happened to be her close friends.







Sekitar lawatan oleh YDSM ke Premis Perniagaan Hunyoffera bertempat di Bangunan Arked Kemaman di Bandar Chukai,Kemaman

Hani is proud for being able to stand up and compete as she has moved to a new outlet. Among the pastries she produced are donuts, cookies and various types of bread. Donut topping with a variety of flavors is the most in demand because it comes with a reasonable price and of its delicious taste. As for the future, she plans to open a number pastry outlets and hopes this will become a reality soon.

Due to her success and progress, she has now moved to a new, larger and more comfortable premise in 2022 to meet demands of her customers at the Kemaman Arcade, Chukai. If you wish to get old of Hani's pastry products, you may contact her at 014-5253273 or visit her social media at https://www.facebook.com/hani.zulaikha.581 or Instagram: https:/www.instagram.com / hunyoffera.d/



Penyerahan cenderahati di hadapan kedai Hunny Offera Donuts & Bakery, Dari kiri, Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustafa (ALPA YDSM), YBhg.Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof (ALPA YDSM), Cik Hani Zulaikha binti Azman Azhare dan Tuan Haji Azizul Rahim bin Ahmad Zambri(ALPA YDSM).
Dato' Haji Mohd Fadzli bon Yusof presented a souvenier to Hani witnessed by Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa (left) and Tuan Haji Azizul Rahim bin Ahmad Zambri

PUAN WAN NAIMAH WAN MAT ALI



Antara gambar produk yang di tunjukkan oleh Puan Wan Naimah
Some of mushroom products produced by Wan Naimah

Wan Naimah binti Wan Mat Ali adalah salah seorang pengusaha yang tidak asing dalam industri cendawan Terengganu. Berkat kegigihan dan kecekalan, beliau kini berjaya mengasaskan sebuah perusahaan, *Wafa Spora Enterprise* yang kini dijenamakan sebagai Fastspora, merupakan peneraju dan pembekal cendawan segar di Terengganu. Beliau yang kini menginjak usia 46 tahun sebelumnya pernah berkhidmat di salah sebuah bank tempatan selama 13 tahun, nekad untuk berhenti kerja dan menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga. Namun atas keperluan untuk meningkatkan pendapatan bagi menampung keluarga, beliau memilih untuk menceburi bidang pertanin cendawan.

Menyingkap perjalanan jatuh bangun dalam perusahaannya ini, yang mula diceburi pada tahun 2008, selepas ibunya menyertai Kursus Usahatani Cendawan yang pertama, anjuran Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) yang berlangsung Di Kompleks Pertanian Negeri, Ajil, Hulu Terengganu pada tahun yang sama, Wan Naimah memberanikan diri dengan memulakan pengeluaran cendawan tiram kelabu. Langkah awal beliau ialah hanya dengan membeli bongkah cendawan yang dibekalkan pihak Jabatan Pertanian. Apabila mendapati pengeluaran di perolehi dengan baik dan jaya, beliau meneroka pula dengan menghasilkan sendiri bongkah cendawan bagi tujuan penjualan. Selain itu, beliau terus mempelajari dengan lebih mendalam selok belok usahatani cendawan ini dengan mengikuti pelbagai kursus dan latihan termasuk yang dianjurkan oleh YDSM. Ilmu yang ditimba seiringan dengan pengalaman yang terbina, kini beliau telah berjaya menghasil dan memasarkan bongkah cendawan, cendawan segar serta produk hiliran berasaskan cendawan segar antaranya sos cendawan, tepung goreng serbaguna, cendawan crispy. Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan produk keluaran Fastspora bolehlah berhubung dengan beliau di talian 014-8032832

Melalui YDSM, sebelum Covid-19, Wan Naimah dijemput pihak ExxonMobil setiap tahun untuk menyediakan hidangan selera berasaskan cendawan seperti sup cendawan sempena Hari Keluarga Syarikat minyak antarabangsa berkenaan di Ibu Pejabatnya, Kuala Lumpur.

PUAN WAN NAIMAH WAN MAT ALI

Wan Naimah binti Wan Mat Ali is one of the entrepreneurs who is well-known in the mushroom cultivation in Terengganu. With full perseverance and resilient, she has successfully founded, Wafa Spora Enterprise, now branded as Fastspora. It is the market leader and supplier of fresh mushrooms in Terengganu. Prior to this, the 46-year old Wan Naimah used to work at one of the local banks for 13 years and steadfastly determined to quit full-time employment in order to solely focus on her family. However, with increasing family commitment she decided to dive into mushroom cultivation to supplement her family income.

Sharing her ups and downs in the business, which she started in 2008, arising out of her mother's participation in the first Mushroom Cultivation Course, organized by Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM), held at the State Agricultural Complex, Ajil, Hulu Terengganu in the same year, Wan Naimah began with the cultivation of gray oyster mushrooms. Initially, she sold only mushroom supplied by the Department of Agriculture. Encouraged with the success of her cultivation and production, she turned into farming and producing her own mushroom for sale. At the same time, to keep abreast with production and market development she attended intensive training courses on mushroom farming, including those organized by YDSM. With the knowledge and experience, she has now successfully produced and marketed mushroom chunks, fresh mushrooms as well as other diversified downstream products such as mushroom sauce, mushroom flour and crispy mushrooms. If you wish to know more and enjoy the mushroom delicacy of Fastspora products, you may contact her at 014-8032832

Through YDSM, prior to the Covid-19 pandemic, Wan Naimah was invited anually by ExxonMobil to prepare and serve mushroom-based dishes such as mushroom soup in conjunction with the International Oil Company's Family Day at its Headquarters, Kuala Lumpur.

PUAN ZALIHA BINTI ISMAIL



Puan Zaliha Bersama produk-produk yang dihasilkannya
Puan Zaliha with some her products

Usia bukanlah penghalang bagi mencapai suatu kejayaan: itu prinsip yang di pegang oleh seorang usahawan yang kian meningkat naik dalam industri pembuatan produk berasaskan madu kelulut. Itulah Puan Zaliha Ismail, seorang ibu tunggal yang kematian suaminya dan juga salah seorang peserta Kursus Usahawan Produk Madu Kelulut YDSM tahun 2019. Beliau telah berjaya mengasaskan perusahaan DZAS Family yang mengeluarkan pelbagai produk hiliran berasaskan madu kelulut dengan jenama *Andalusia Herb* yang berpengkalan di Paka. Terengganu Sekalipun usia beliau telah mencecah 70 tahun namun minat yang mendalam serta usaha yang berterusan telah menjadi pendorong bagi beliau meningkatkan pendapatan keluarga, mengenangkan pengalaman selaku ibu tunggal sejak anak-anak masih kecil lagi, selain peluang membantu masyarakat setempat.

Produk-produk yang dikeluarkan mendapat sambutan yang hangat dikalangan pengguna tempatan. Beliau juga berusaha mempelbagaikan produk yang dihasilkannya. Disamping yang berasaskan madu kelulut, produk-produk lain yang dikeluarkan adalah sabun honeylov, sabun pencuci pinggan, sabun, pencuci tangan, balm, minyak herba, minyak arnab, maajun dan minyak angin. Untuk mendapatkan produk keluaran beliau, bolehlah berhubung ditalian 013-9408833.

PUAN ZALIHA BINTI ISMAIL

Age is not a barrier to success: the principle held by a promosing entrepreneur in the stingless bee honey-based *(madu kelulut)* production, Puan Zaliha Ismail, a single mother who lost her husband several years ago. She is one of the participants of the *YDSM Kelulut Honey Production Entrepreneurship Course* in 2019. From there she was able to establish the DZAS Family which produces various products based on kelulut or stingless bee honey under the brand name Andalusia Herb, in Paka, Terengganu. Despite at the age of 70, with her deep interest, diligence and hardworking has enabled her to progress not only for the sake of herself to support her family as a single mother until all her children have grown up, but also to help the local community.

Her products are well-received by local consumers. She has diversified her product range. In addition to the *kelulut* or stingless bee honey-based, other products include honeylov soap, dishwashing soap, soap, hand sanitizer, balm, herbal oil, rabbit oil, maajun and oral ointment. To obtain her products, please call 013-9408833.

KALENDAR AKTIVITI YDSM (JULAI – DISEMBER 2021)

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDSM Ke-68	Atas Talian	13 Julai
2	Majlis Ibadah Qurban YDSM	Masjid Abidin, Masjid Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu	21 Julai
3	Program Bantuan Kepada Golongan Asnaf Yang Terjejas Akibat Pandemik Covid-19 di Negeri Terengganu	Seluruh Terengganu	Oktober hingga Disember
4	WEBINAR Your Language My Culture (YLMC) Bicara Penyelidikan “Bahasamu Budayaku: Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris di Terengganu	Atas Talian	20 Ogos
5	Sumbangan 8,000 Unit Kit Ujian Kendiri Covid-19 Kepada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu	Pejabat YDSM	25 Ogos
6	Program Jalinan Kasih YDSM: Agihan Makanan Tengahari Kepada Golongan Gelandangan Sekitar Bandar Kuala Terengganu	Daerah Kuala Terengganu	Bermula September 2021 hingga kini
7	Program Vaksinasi Untuk Komuniti Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu	Sekolah Kebangsaan Sungai Berua	25 September
8	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDSM Ke-69	Pejabat YDSM	30 September
9	Lawatan ke Projek Pertanian Memperkasakan Ekonomi Keluarga Nelayan di Setiu	Daerah Setiu	2 Oktober
10	Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ke Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu	PERMAI Hotel Kuala Terengganu	9 November
11	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDSM Ke-70	Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur	22 November
12	Majlis menandatangani ‘Memorandum Persefahaman’ (MoU) Program Pembiayaan Usahawan Mikro YDSM (BSN Micro-i)	Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur	22 November
13	Kursus Usahawan Produk Madu Kelulut YDSM 2020/2021	Kompleks Pertanian Negeri, Ajil, Hulu Terengganu	29 November – 2 Disember
14	Program Pembangunan Perusahaan Tembaga YDSM	Pejabat YDSM	2 Disember
15	Perjumpaan Bersama Komuniti Penternak Ketam Setiu bagi Cadangan Projek Penternakan Ketam di Setiu	Pusat Penerangan Terengganu, Pekarangan Boardwalk Setiu	4 Disember
16	Kursus Zero Cost Marketing YDSM-AGRO Bank	Pejabat YDSM	10-11 Disember

YDSM CALENDER OF ACTIVITIES (JULY – DECEMBER 2021)

NO.	ACTIVITIES	VENUE	DATE
1	The 68th Meeting of YDSM Board of Trustees	Online	13 July
2	YDSM "Ibadah Qurban" event	Masjid Abidin, Masjid Negeri, Kuala Terengganu, Terengganu	21 July
3	Assistance to *Asnaf* affected by the Covid-19 Pandemic in Terengganu	Whole of Terengganu	October to December
4	The WEBINAR *Your Language My Culture (YLMC).* Research Talk "Your Language My Culture": Innovation in English Teaching and Learning in Terengganu	Online	20 August
5	Contribution of 8,000 units of Covid-19 Self-Test Kit to the Terengganu State Health Department	YDSM Office	25 August
6	YDSM Caring Programme: The Distribution of Lunch Package to Homeless in Kuala Terengganu	Kuala Terengganu District	Starting September until now
7	Vaccination Programme for the Indigenous Community of Sungai Berua, Hulu Terengganu	Sungai Berua National School	25 September
8	The 69th Meeting of YDSM Board of Trustees	YDSM Office	30 September
9	Visit to the Agriculture Project to Empower the Economy of Fishermen's Families in Setiu	Setiu District	2 October
10	Visit of His Royal Highness Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin to the SOCSO Rehabilitation Centre in Kuala Terengganu	PERMAI Hotel Kuala Terengganu	9 November
11	The 70th Meeting of YDSM Board of Trustees	Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur	22 November
12	Signing Ceremony of 'Memorandum of Understanding' (MoU) for the YDSM Micro Entrepreneur Financing Program (BSN Micro-i)	Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur	22 November
13	Stingless Bees Entrepreneurship Course YDSM 2020/2021	State Agricultural Complex, Ajil, Hulu Terengganu	29 November – 2 December
14	YDSM Copper Handicraft Development Programme	YDSM Office	2 December
15	Meeting with the Setiu Crab Breeding Community for the Proposed Crab Breeding Project in Setiu	Terengganu Information Centre, Boardwalk Setiu	4 December
16	YDSM-AGRO Bank Zero Cost Marketing Course	YDSM Office	10-11 December

tinta

LATARBELAKANG YDSM

Yayasan DiRaja Sultan Mizan merupakan sebuah Yayasan Amal yang telah dilancarkan pada 12 Jamadilakhir 1426 Hijrah bersamaan dengan 19 Julai 2005 bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang ke-43.

Yayasan ini merupakan ilham KDYMM Tuanku serta diasaskan, dan dipengerusikan oleh KDYMM Tuanku.

MATLAMAT YDSM

- Melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk golongan rakyat miskin, terpinggir dan berpendapatan rendah dengan cara memperkasakan mereka
- Membangun modal insan berkualiti melalui pendidikan dan latihan
- Menggalakkan usaha penyelidikan dan penerbitan mengenai sejarah, agama, budaya dan warisan Terengganu
- Melaksanakan program pemuliharaan dan pengembangan seni kraf warisan Terengganu
- Menyumbang kepada usaha pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari
- Melaksanakan pelbagai program YDSM sebagai pencetus dan pemangkin dengan semangat menyokong usaha kerajaan dan pihak-pihak lain

BACKGROUND

Sultan Mizan Royal Foundation is a charitable foundation which was officially launched by His Royal Highness The Sultan of Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, on 12 Jamadilakhir 1426 Hijr or 19 July 2005, as a part of the festivities in celebration of the 43rd birthday of HRH Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

The Foundation is the brainchild of His Royal Highness, with the Sultan graciously playing the role as its founder, patron and chairman.

GOALS OF YDSM

- Implementing programmes for the poor, marginalised and low income groups by empowering them
- Developing quality human capital through education and training
- Encouraging research and publication on the history, religion, culture, and heritage of Terengganu
- Implementing programmes on conservation and development of Terengganu art and craft
- Contributing to environmental conservation and sustainable development
- Acting as a catalyst through the implementation of YDSM's programmes in support of initiatives of the government and other stakeholders

SUMBANGAN

Yayasan DiRaja Sultan Mizan mengalu-alukan sumbangan ikhlas daripada para dermawan (agensi kerajaan, syarikat swasta dan orang perseorangan) untuk membolehkannya melaksanakan pelbagai programnya dengan berkesan. Sumbangan dalam bentuk cek berpalang dibuat atas nama YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN boleh dihantar kepada:

Urusetia
Yayasan DiRaja Sultan Mizan
Pekarangan Istana Badariah
Jalan Sultan Mahmud
20400 Kuala Terengganu
Tel: 09-6251131 / 6261131
Faks: 09-6231131

ATAU

Masukkan terus ke dalam akaun Yayasan
(Nombor Akaun: **13-017-01-007773-0**)
Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Kuala Terengganu,
Jalan Banggol, 20200 Kuala Terengganu.

Semua sumbangan kepada Yayasan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Terima kasih atas sokongan anda.

CONTRIBUTION

Sultan Mizan Royal Foundation welcomes the generous contributions from well-wishers (government agencies, companies, and incividuals) so that it can effectively implement its various programmes. Contributions in the form of a crossed cheque in favour of YAYASAN DIRAJA SULTAN MIZAN may be sent to:

The Secretariat
Yayasan DiRaja Sultan Mizan
Pekarangan Istana Badariah
Jalan Sultan Mahmud
20400 Kuala Terengganu
Tel: 09-6251131 / 6261131
Faks: 09-6231131

OR

Deposit it directly into our account
(Account No: **13-017-01-007773-0**)
Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Kuala Terengganu,
Jalan Banggol, 20200 Kuala Terengganu.

All contributions are exempted from income tax. Thank you for your support.